



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 12 MAC 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 9 HINGGA 79)**

**SOALAN NO. 1 JAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 21**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]

TARIKH : 12 MAC 2014

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk melaksanakan program pemantauan secara berkala dan berjadual bagi sungai-sungai di Malaysia yang berisiko terjejas dengan efluen agar dapat mengelakkan pencemaran merbahaya seperti yang berlaku di sungai Batu Feringghi baru-baru ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mula melaksanakan program pengawasan kualiti air sungai di seluruh Malaysia secara berkala dan berjadual sejak tahun 1978. Program ini dilaksanakan untuk menentukan status terkini kualiti air sungai-sungai dan mengesan sebarang perubahan kualiti air bagi sungai-sungai yang dipantau.

Program pengawasan ini turut dilaksanakan untuk mengetahui status kualiti air laut dan pulau-pulau. Pengawasan ini dilaksanakan secara berkala dengan kekerapan persampelan di antara 4 hingga 12 kali setahun mengikut kepentingan sungai dan kawasan perairan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]**  
**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**  
**SOALAN : Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan menjelaskan secara terperinci Sistem Kutipan Bayaran Balik dan Kaedah Kutipan Bayaran Balik tertunggak Projek TEKUN yang dilaporkan berjumlah sebanyak 17.3 peratus atau bernilai RM 493.9 juta.  
**JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi melaksanakan kutipan bayaran balik pinjaman, TEKUN Nasional telah menyediakan Sistem Pengurusan Bayaran Balik (*Repayment Management System*) bagi memasukkan kesemua data bayaran balik secara atas talian di Pejabat-pejabat TEKUN Kawasan dan Negeri seluruh Malaysia. Data-data dan maklumat bayaran balik akan diperolehi pada keesokan harinya setelah ia nya melalui *Batch Processing*.

Kaedah kutipan bayaran balik yang dilaksanakan adalah secara fizikal di mana pegawai-pegawai TEKUN akan membuat lawatan ke setiap premis-premis perniagaan atau rumah-rumah peminjam, di samping bayaran juga boleh dibuat melalui bank-bank tempatan seperti Maybank, Agro Bank, Affin Bank, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat, Bank Islam dan menggunakan perkhidmatan Pos Malaysia. Selain itu, syarikat agen juga dilantik bagi membuat kutipan bayaran balik pinjaman daripada peminjam yang telah dikategorikan sebagai peminjam hutang lapuk.

Tindakan-tindakan penguatkuasaan secara berterusan juga dilaksanakan seperti mengemukakan surat-surat peringatan dan surat tuntutan undang-undang, di samping mengambil tindakan mahkamah.

Secara keseluruhan, peratus bayaran balik tertunggak TEKUN Nasional ialah sebanyak 15.31% dengan nilai tunggakan berjumlah RM509 juta.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL**  
**KAWASAN : PENDANG**  
**TARIKH : 12 MAC 2014, RABU**

**SOALAN: 11**

**YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL (PENDANG) minta**  
**MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah kenderaan yang menggunakan lebuhraya PLUS bagi tahun 2000 hingga 2013 mengikut tahun dan jumlah TOL yang di pungut mengikut tahun-tahun berkenaan; dan
- (b) berapakah jumlah tambahan kenderaan yang menggunakan lebuhraya PLUS setiap tahun.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kenderaan yang menggunakan Lebuhraya PLUS telah meningkat sebanyak 65% dari tahun 2000 hingga 2013 iaitu dari 291,236,510 kenderaan kepada 481,505,848 kenderaan. Lanjutan daripada itu, hasil tol juga meningkat dari RM1.15 bilion pada tahun 2000 kepada RM2.49 bilion pada tahun 2012.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah tambahan kenderaan yang menggunakan lebuhraya PLUS setiap tahun adalah di antara 1.16% hingga 11.07%.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**  
**TARIKH : 12.03.2014 (SELASA)**

**TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan secara terperinci hasil siasatan dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap sindiket skim cepat kaya dan skim piramid atau berperingkat (MLM) yang telah menyebabkan rakyat menghadapi kerugian yang teruk sejak tahun 2000 sehingga tahun 2014.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari tahun 2005 sehingga Februari 2014 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menjalankan siasatan sebanyak 627 kes kesalahan berkaitan skim piramid dan jualan langsung atau dikenali juga sebagai *Multilevel Marketing* (MLM) di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993. Nilai rampasan bagi-kes-kes yang diambil berjumlah RM16.36 juta.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 103 kes telah dikompaun dengan nilai kompaun yang dibayar berjumlah RM996 ribu dan 83 kes telah didenda di Mahkamah dengan nilai denda berjumlah RM990 ribu.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Anyi Ngau [ BARAM ]**

**TARIKH : 12.03.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 13**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk menaik taraf jalan-jalan balak di kawasan Baram terutamanya jalan yang menghubungkan penduduk dengan klinik-klinik kesihatan desa.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, naiktaraf jalan balak di kawasan Parlimen Baram telah pun disenaraikan di bawah Projek Menaiktaraf Jalan Balak Fasa III yang bernilai RM178 juta. Projek ini telah dipohon dengan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* ke-4 mulai tahun 2015. Walau bagaimanapun, permohonan ini tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

## Maklumat Tambahan

### **PROJEK MENAIKTARAF BEKAS JALAN-JALAN BALAK NEGERI SARAWAK (FASA I) TAHUN 2012**

Peruntukan : RM64,000,000.00

Kaedah Perolehan : Rundingan Terus turnkey (Rekadan Bina)

Nama Kontraktor : Samling Resources Sdn Bhd

Tarikh Mula : 5 March 2013

Tarikh Jangka Siap : 4 Januari 2014

Nama Jalan Terlibat : Jalan dari Persimpangan Long Banga ke  
Pa'Umor dan Jalan-jalan Masuk  
Kampung-kampung

Bil.	Nama Jalan / Jambatan	Tempoh Siap Projek	Panjang Jalan (km)	Bil. Penerima Faedah	Status Terkini
1	ArurDalan, Kubaan	6 bulan	1	104	SS
2	ArurLayun	6 bulan	0.2	66	SS
3	Pa Dalih	6 bulan	8.7	390	SS
4	Remudu	6 bulan	8.2	371	SS
5	Long Dano ( Pa Mada )	6 bulan	1.9	53	SS
6	Pa' Umor / Pa' Dalih / Ulu Bale	6 bulan	57	2,692	SS

<b>Bil.</b>	<b>Nama Jalan / Jambatan</b>	<b>Tempoh Siap Projek</b>	<b>Panjang Jalan (km)</b>	<b>Bil. Penerima Faedah</b>	<b>Status Terkini</b>
7	Long Balong / Puak	6 bulan	1.9	170	SS
8	Long Banga / Long Pulung	6 bulan	6.3	692	SS
9	Long Peluan	6 bulan	5.6	435	SS
10	Long Lamai / Jalan Batu Patong	10 bulan	9	330	IJ
11	Long Beruang	6 bulan	4.2	306	SS
12	Jambatan Pa Rapuluh	6 bulan	1 no.		SS
13	Jambatan Temala	10 bulan	1 no.		SS
14	Long Banga / UluSg. Bale	6 bulan	38	serve Bario and Long Banga	SS
<b>Jumlah</b>			<b>142.00</b>	<b>5,609</b>	

## Maklumat Tambahan

### **PROJEK MENAIKTARAF BEKAS JALAN-JALAN BALAK NEGERI SARAWAK (FASA II) TAHUN 2013**

Peruntukan : RM70,000,000.00

Kaedah Perolehan : Rundingan Terus *turnkey* (Reka dan Bina)

Nama Kontraktor : seperti Jadual dibawah.

Nama Jalan terlibat : seperti Jadual dibawah.

<b>Bil</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Kontraktor</b>	<b>Bilangan &amp; Panjang Jalan (km)</b>	<b>Anggaran Kos (RM juta)</b>	<b>Status Terkini</b>
1.	Miri	Syarikat Samling Sdn. Bhd.	4/18.58	4.89	Keputusan Rundingan Harga akan dikemukakan kepada MOF untuk dimuktamadkan
2.	Bintulu	Syarikat Caya Daya Sdn. Bhd.	1/48.30	20.00	
3.	Limbang	Syarikat	1/12.00	16.00	
4.	Betong	A.K Setia Bina Sdn. Bhd.	2/23.00	20.50	Dalam proses penyelarasan dan pra-rundingan harga di peringkat JKR Sarawak
5.	Sibu	Kanowit Timbers	1/6.5	8.62	
<b>Jumlah</b>			<b>108.38</b>	<b>70.00</b>	

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN LOKE SIEW FOOK**  
**KAWASAN : SEREMBAN**  
**TARIKH : 12 MAC 2014, RABU**

**SOALAN: 14**

**YB. TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan nilai pampasan yang dibayar oleh Kerajaan kepada setiap syarikat konsesi lebuhraya kesan daripada keputusan Kerajaan untuk tidak menaikkan kadar tol pada tahun 2014.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan kenaikan tol di 14 lebuh raya pada tahun 2014. Berikutan daripada itu, Kerajaan perlu membayar pampasan yang dianggarkan sebanyak RM400 juta. Pecahan bayaran adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014 (RM juta)</b>
1	E10: Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	32
2	E35: Lebuhraya Shah Alam – Kuang (GCE)	23
3	E11: Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)	89
4	E12: Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)	22
5	E18: Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK)	22
6	E21 Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)	13
7	E22: Lebuhraya Senai - Desaru (SDE)	9
8	E23: Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)	72

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014  (RM juta)</b>
9	E26: Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	5
10	E38: Terowong SMART	19
11	E33: Lebuhraya Duta - Ulu Kelang (DUKE)	25
12	E9: Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	27
13	E20: Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX)	30
14	E17: Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	12
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>400</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan bayaran pampasan diperolehi daripada peruntukan belanjawan mengurus yang disalurkan melalui Kementerian Kewangan.

Pengiraan bayaran pampasan dibuat berdasarkan formula perkiraan pampasan yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi masing-masing. Jumlah sebenar bayaran akan ditentukan selepas verifikasi trafik yang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sekian. Terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]**  
**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**  
**SOALAN : Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah perancangan yang akan diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan pengeluaran hasil makanan pertanian tempatan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan.**  
**JAWAPAN OLEH : YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan pelbagai langkah bagi meningkatkan hasil produk pertanian yang sekali gus dapat meningkatkan ekonomi golongan sasar untuk jangka masa panjang dengan penggubalan Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011-2020. Objektif utama DAN adalah bagi menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani. Di bawah DAN, fokus diberikan bagi:

- (i) meningkatkan pengeluaran makanan negara melalui Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian;
- (ii) mengenal pasti dan membangunkan sumber pertumbuhan baru, seperti sayur-sayuran dan buah-buahan premium yang menyumbang kepada pasaran eksport negara.

- (iii) perancangan juga telah dibuat bagi memastikan kawasan tanaman padi dipulihara melalui penggubalan Rancangan Fizikal Negara (RFN) Kedua (Ke-2). Dasar RFN menetapkan 8 kawasan jelapang padi strategik iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan 6 Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) perlu dipulihara. Empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan (7,211 hektar) dan Rompin (3,094 hektar) di Pahang, Batang Lupar (5,100 hektar) di Sarawak dan Kota Belud (8,500 hektar) di Sabah sebagai jelapang padi Negara yang baru. Dengan pembukaan 4 IADA baru seluas 23,905 hektar ini, pengeluaran padi di Negara akan ditingkatkan sekaligus dapat mengurangkan kadar import beras dari Negara luar. Selain itu, tahap sara diri (SSL) beras iaitu 73.5% yang merupakan makanan ruji dan komoditi utama dalam jaminan bekalan makanan Negara juga dijangka akan dapat ditingkatkan.
- (i) menggalakkan penyertaan pihak swasta melabur dalam pengeluaran agromakanan, di samping melahirkan lebih ramai agro-entrepreneur untuk terlibat dalam pengeluaran bahan makanan;
- (ii) memberi penumpuan kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam meningkatkan pengeluaran hasil secara mampan. Antara bidang tumpuan R&D adalah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, keupayaan lepas tuai dan pemprosesan hasilan pertanian, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawai dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau. Antara penemuan terbaru R&D adalah pembangunan teknologi padi "Aerob" iaitu teknologi baru tanaman padi tanpa air bertakung;
- (iii) memberikan latihan-latihan dalam bidang tanaman dan ternakan ternakan, khidmat nasihat dan teknikal, seperti kawalan penyakit dan kesihatan tanaman serta ternakan;
- (iv) membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan

nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran, meningkatkan aktiviti nilai ditambah serta mengurangkan risiko perniagaan melalui pelaksanaan projek-projek seperti Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Program Keusahawanan Agrobazaar Kedai Rakyat dan Motosikal Roda Tiga serta Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) di seluruh Negara;

- (v) mengukuhkan khidmat sokongan dan sistem penyampaian bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasaran melalui latihan dan khidmat nasihat di samping program pendaftaran dan pensijilan bagi memastikan pematuhan piawaian yang ditetapkan oleh negara pengimport;
- (vi) mengukuh keupayaan Pertubuhan Peladang bagi mewujudkan lebih ramai usahawan dalam aktiviti pembekalan input, pemasaran dan perkhidmatan logistik. Pertubuhan peladang di peringkat kawasan diberi bimbingan dalam bidang berkaitan dan dihubungkan dengan syarikat pengedaran, pengeksport dan pasar raya besar yang dikenal pasti; dan
- (vii) mengembangkan Industri hiliran bagi menambah nilai hasil pertanian untuk memastikan harga pasaran produk-produk mentah mendapat tawaran harga yang berpatutan. Ia turut disokong dengan program persijilan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), promosi, latihan serta bantuan kepada pengusaha untuk membolehkan produk-produk keluaran tempatan mencapai piawaian antarabangsa dan dapat membuka laluan pasaran.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH**  
**KAWASAN : SANDAKAN**  
**TARIKH : 12 MAC 2014, RABU**

**SOALAN: 16**

**YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sudahkah tender bagi pakej pertama projek Libaran Bypass dibuka, dan bilakah projek akan bermula dan dijangka siap. Apakah jumlah anggaran kos dan peruntukan terkini untuk projek ini, untuk keempat-empat pakej.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Pintas Libaran, Sabah melibatkan skop membina jalan baru 4 lorong 2 hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 25km.. Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada 4 pakej dan akan dilaksanakan secara berperingkat, tertakluk kepada kelulusan peruntukan Agensi Pusat. Bagi tempoh *Rolling Plan ke-4*, RMKe-10 ini, Kerajaan telah bersetuju pakej 4 dilaksanakan terlebih dahulu dengan anggaran kos projek sebanyak RM92.5 juta. Pada masa kini tender untuk pakej berkenaan (Pakej 4 sepanjang 7.16km) telah dipanggil dan kontraktor dijangka akan memulakan kerja pembinaan pada bulan Jun 2014. Pakej ini akan mengambil tempoh masa pembinaan selama 24 bulan.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Henry Sum Agong  
[ LAWAS ]**

**TARIKH : 12.03.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 17**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang telah dijanjikan oleh Kerajaan dilaksanakan di Lawas.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak MARA telah mengemukakan permohonan bagi cadangan pembinaan MRSM Lawas, Sarawak dalam permohonan bajet pembangunan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk kelulusan.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]**  
**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**  
**SOALAN : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**  
adakah Kementerian berhasrat untuk menaik taraf pusat-pusat latihan pertanian ke taraf kolej universiti, bagi menambahkan lagi tenaga mahir dalam bidang pertanian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) pada masa ini menyelia dan menyelaraskan 13 buah Pusat Bertauliah yang mengkhusus dalam bidang Latihan Kemahiran Pertanian tahap 1 hingga 4. NATC akan menambah lagi kapasiti pusat-pusat bertauliah baru bagi meningkatkan pengambilan pelatih-pelatih kemahiran pertanian.

Buat masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak bercadang untuk menaiktaraf pusat-pusat latihan Kementerian ke taraf Kolej Universiti. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang bercadang untuk mewujudkan Kolej Universiti dimana Kolej Pertanian Malaysia sedia ada akan menjadi Kolej Universiti bagi mengeluarkan tenaga kerja mahir dan tenaga kerja profesional dalam sektor pertanian negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID [ Pengerang ]**

**TARIKH : 12.3.2014 (RABU)**

**DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan atau dasar untuk mengawal para pekerja asing dari menikmati subsidi yang diberikan oleh Kerajaan dan sekiranya ada, bagaimana cara-cara perancangan atau dasar tersebut akan dikuatkuasakan oleh Kementerian.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Ketika ini, Kementerian tidak mempunyai perancangan atau dasar khusus untuk mengawal pekerja asing daripada menikmati subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kecuali kawalan pembelian petrol RON95 dan Diesel di stesen-stesen minyak yang melibatkan kereta bernombor pendaftaran asing seperti berikut:

- i) Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak jualan diesel hanya untuk tangki asal kenderaan sahaja dan tidak boleh menggunakan bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal melalui Permit Kawalan Barang Kawalan Berjadual (Khas);
- ii) Menghadkan penjualan diesel kepada 20 liter bagi kenderaan berpendaftaran asing di stesen minyak yang berada dalam lingkungan 50 kilometer daripada sempadan;
- iii) Larangan penjualan Petrol RON95 bagi kenderaan berpendaftaran asing kecuali motosikal melalui Arahan Pengawal Bekalan bermula pada 15 Jun 2011; dan
- iv) Menempatkan anggota Ikatan Relawan Rakyat (RELA) di 45 buah stesen minyak berhampiran sempadan Thailand dan 10 buah stesen minyak berhampiran sempadan Singapura bagi mencegah pembelian minyak diesel dan minyak petrol bersubsidi oleh kenderaan berpendaftaran asing.

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6482**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) bilangan kanak-kanak yang dilaporkan hilang kepada polis dalam tempoh 5 tahun lepas di Sibu dan di Sarawak; dan
- (b) bilangan mereka yang dikesan dalam tempoh ini dan punca kanak-kanak dilaporkan hilang.

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis memandangkan serius kes-kes yang melibatkan kanak-kanak hilang, keadaan ini jika tidak diberi perhatian yang serius dan tidak dikawal boleh mengundang kepada kes pemerdagangan orang atau kes sosial yang lain. Pelbagai sebab yang dikenalpasti menyebabkan kanak-kanak hilang atau meninggalkan rumah. Statistik kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah yang hilang bagi negeri Sarawak tahun 2011 sehingga 2013 adalah seperti berikut:-

### 1. STATISTIK KANAK-KANAK HILANG BWH 18 TAHUN SARAWAK TAHUN 2011-2013

KONTINJEN	TAHUN 2011		TAHUN 2012		TAHUN 2013	
	J/KES	J/S	J/KES	J/S	J/KES	J/S
SARAWAK	66	32	138	84	82	52

NOTA: J/KES: JUMLAH KES J/S: JUMPA SEMULA

## 2. STATISTIK SEBAB-SEBAB HILANG:-

SEBAB HILANG	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013
CARI KERJA	2	3	0
IKUT KAWAN	21	45	13
IKUT KEKASIH	5	31	16
TIDAK MINAT BELAJAR	2	2	2
INGIN BEBAS	28	44	38
SALAH FAHAM KELUARGA	8	10	10
KURANG PERHATIAN KELUARGA	0	0	2
BERSAMA IBU / BAPA	0	3	1
<b>J U M L A H</b>	<b>66</b>	<b>138</b>	<b>82</b>

## 3. STATISTIK KANAK-KANAK HILANG BWH 18 TAHUN DAERAH SIBU SARAWAK TAHUN 2011-2013

DAERAH	TAHUN 2011		TAHUN 2012		TAHUN 2013	
	J/KES	J/S	J/KES	J/S	J/KES	J/S
SIBU	23	9	41	34	40	29

NOTA:            J/KES            JUMLAH KES  
                      J/S                JUMPA SEMULA

#### 4. SEBAB-SEBAB HILANG:-

SEBAB HILANG	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013
CARI KERJA	0	1	1
IKUT KAWAN	4	9	8
IKUT KEKASIH	3	1	3
TIDAK MINAT BELAJAR	0	0	0
INGIN BEBAS	16	29	28
SALAH FAHAM KELUARGA	0	0	0
K / PERHATIAN KELUARGA	0	0	0
BERSAMA IBU / BAPA	0	1	0
J U M L A H	23	41	40

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir  
[ Kulim Bandar Baharu ]**

**TARIKH** : **12.03.2014**

**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dapat menjamin kejayaan dari segi pencapaian akademik dan sahsiah pelajar, serta dalam usaha merapatkan jurang pendidikan luar bandar.

**JAWAPAN**

Pertanyaan tersebut telah dijawab secara serentak melalui pertanyaan **Y.B. DR. Noor Azmi Bin Ghazali [ BAGAN SERAI ]** pada **12 Mac 2014**. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada mempunyai makluman tambahan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan peruntukan kecemasan kepada penduduk-penduduk daerah Tenom dan Beaufort untuk memperbaiki kediaman serta barangan-barangan keperluan elektrik atau perabot dalam rumah yang rosak disebabkan oleh banjir besar pada pertengahan bulan Februari yang lalu. Berikan butiran lengkap mengenai peruntukan bantuan ini.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi membantu meringankan beban mangsa yang terjejas akibat bencana banjir di Daerah Tenom dan Beaufort pada pertengahan Februari 2014 lalu, Kerajaan akan mengagihkan bantuan wang ihsan RM500 dalam masa terdekat. Untuk makluman, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah telah bermesyuarat dan mengarahkan Pejabat Daerah berkenaan menghantar dengan segera senarai nama mangsa-mangsa banjir untuk diproses oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM).

Selain daripada itu juga, bagi lain-lain kerosakan, Kerajaan akan mempertimbangkan mengikut keadaan dari semasa ke semasa samada melalui MKN atau agensi-agensi yang berkaitan. Manakala bagi bantuan barangan keperluan seperti barangan elektrik, makanan dan perabot, ia bergantung kepada pemberian/sumbangan daripada pihak badan bukan Kerajaan (NGO).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. Puan Rubiah binti Haji Wang  
[ Kota Samarahan ]**

**TARIKH** : **12.03.2014**

**SOALAN** :

**Y.B. Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian dalam isu denda dan disiplin di sekolah dan apakah cadangan Kementerian dalam memperbaiki segera masalah ini dengan membandingkan perihal ibu bapa, guru dan murid pada zaman dahulu dengan ibu bapa, guru dan murid pada zaman sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan mengambil berat berhubung isu denda dan disiplin di sekolah. Sehubungan itu, dari masa ke semasa pihak KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) berhubung pelaksanaan disiplin sebagai langkah awal dan peringatan dalam menangani isu disiplin. Antaranya *SPI Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman*; dikeluarkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan khususnya di peringkat sekolah. Di samping itu, beberapa Surat Pekeliling Ikhtisas seperti *SPI Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah* dan *SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan Standard Operating Prosedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Menangani Isu Disiplin Murid*, dikeluarkan bagi menyokong dan memastikan pengurusan disiplin di sekolah dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Peranan Ibu bapa dan guru adalah sama baik zaman dahulu mahu pun sekarang, ibu bapa pada masa kini dan guru mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membentuk sikap, nilai dan akhlak murid melalui pelaksanaan disiplin yang baik.

Salah satu usaha atau pendekatan yang diambil oleh KPM ialah dengan penyediaan kaedah pembelajaran yang lebih ceria dan kondusif dalam usaha mengatasi masalah disiplin dalam kalangan murid melalui pelaksanaan Amalan Guru Penyayang. Program amalan guru penyayang merupakan program yang menekankan aspek nilai kasih sayang serta sifat kepedulian terhadap murid agar murid terasa diri dan kehadiran mereka adalah penting dan tidak terasa disisih.

Melalui Inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta, KPM telah menubuhkan Jawatankuasa *Taskforce* Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta di semua peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memastikan pelaksanaan inisiatif berkenaan berjalan dengan lancar dan menepati objektif serta hasrat PPPM 2013-2025 untuk memastikan ibu bapa memberi sumbangan ke arah menangani isu disiplin di sekolah.

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. TAN KEE KWONG  
(WANGSA MAJU)**

**TARIKH : 12.3.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah kesalahan jenayah yang telah dilakukan oleh Mejar Zaidi Ahmad sehingga beliau telah dihukum di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 yang mengakibatkan beliau dipenjara sehingga 2 tahun.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di Pertua,**

**Kes Mej Zaidi Ahmad TUDM masih dalam perbicaraan Mahkamah Tentera. Justeru itu, dakwaan bahawa Mej Zaidi Ahmad TUDM telah dihukum dibawah Akta Angkatan Tentera 1972 yang mengakibatkan beliau dipenjara sehingga 2 tahun adalah tidak benar.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ TEBRAU ]**  
**TARIKH** : **12.03.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan membuat kajian semula terhadap pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah memandangkan ia menghadapi banyak masalah teknikal yang masih belum diatasi sepenuhnya dan telah menyebabkan banyak keluhan daripada kalangan warga pendidik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014 sehingga penghujung Mac 2014. Dalam tempoh ini, pelaksanaan PBS ditangguhkan sehingga keputusan kajian semula selesai. Sementara itu, guru diminta memberi fokus pengajaran seperti biasa pada murid. YAB Menteri

Pendidikan akan memaklumkan tindakan penambahbaikan berasaskan kepada keputusan kajian semula tersebut.

Rjm 08

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN:**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kos sehari yang terlibat ketika menahan Seorang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di pusat tahanan sementara di negeri Sabah sementara menunggu penghantaran balik PATI tersebut balik ke negara asalnya.

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, di Negeri Sabah terdapat tiga (3) Pusat Tahanan Sementara (PTS) iaitu PTS Papar, PTS Sibuga, Sandakan dan PTS Tawau yang sedang beroperasi sehingga kini. Jumlah tahanan di semua PTS sehingga 3 Mac 2014 ialah seramai 3,265 orang tahanan. Manakala kos makan dan minum bagi seorang tahanan adalah seperti di bawah:

- i) PTS Papar :    **RM 5.95/ hari.**
- ii) PTS Sibuga:   **RM 5.75/ hari.**
- iii) PTS Tawau :   **RM 5.50/ hari**

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]**  
**TARIKH : 12.03.2014 (RABU)**

**TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:

- (a) sejauh manakah rasionalisasi subsidi telah memberi kesan dan tekanan terhadap kenaikan harga barang keperluan asas atau ia hanya dijadikan alasan sahaja oleh peniaga; dan
- (b) dalam konteks ini apakah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dapat berfungsi membantu meringankan bebanan rakyat dan berapakah jumlah KR1M yang telah dibuka di bandar dan luar bandar serta nyatakan prestasi jualan KR1M setakat ini.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi mengekalkan kestabilan dan kekukuhan kedudukan kewangan negara, Kerajaan perlu melaksanakan rasionalisasi subsidi dan subsidi bersasar untuk memastikan hanya golongan yang layak sahaja menerima manfaatnya. Namun demikian, terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kenaikan harga barangan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi terbuka di mana pengaruh pasaran memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Di antara punca-punca yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang adalah disebabkan oleh faktor cuaca, manipulasi harga, keadaan bekalan, kelemahan *supply-chain*, ketidak cekapan, kos operasi dan kebergantungan kepada barangan yang diimport. Faktor cuaca seperti musim tengkujuh dan kemarau misalnya telah mempengaruhi keadaan jumlah pengeluaran terutamanya barangan basah seperti ikan dan sayur-sayuran yang menyebabkan penawaran bekalan kurang daripada permintaan yang mendorong peniaga untuk menaikkan harga.

Selain daripada itu, lazimnya harga barangan akan dinaikkan dalam tempoh perayaan disebabkan peniaga ingin mengaut keuntungan berlebihan akibat daripada peningkatan permintaan semasa musim tersebut. Dalam membantu dan melindungi pengguna terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

**Tuan Yang DiPertua,**

Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M, berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan **pelbagai barangan keperluan isi rumah** berjenama **1 Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** dan **harga yang ditawarkan** adalah **sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal** dan kualiti tetap diutamakan. Pelaksanaan program ini telah dapat memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan barangan keperluan harian pada harga yang kompetitif dan berkualiti. Sehingga 27 Februari 2014, sebanyak 126 buah KR1M telah beroperasi di sebanyak 112 kawasan Parlimen sama ada di kawasan bandar atau luar bandar di seluruh negara. Purata jualan sebuah outlet KR1M adalah sebanyak RM147,000 sebulan atau RM4,900 sehari.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dr. Lee Boon Chye  
[ Gopeng ]**

**TARIKH : 12 Mac 2014 (Rabu)**

**SOALAN : 28**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakankos keseluruhan menaikkan taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kos keseluruhan untuk Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh ialah **RM 40,122,044.56** meliputi bangunan terminal dan kawasan *Airside* Lapangan Terbang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 MAC 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- (a) mengapakah sistem indeks purata tempoh gangguan (*SAIDI-System Average Interruption Duration Index*) SESB - Sabah Electricity Board yang sepatutnya kebal-gagal, gagal dan menyebabkan seluruh negeri Sabah dan Labuan bergelap pada 17 Januari 2014 lalu; dan
- (b) langkah diambil agar perkara ini tidak berulang lagi dan bilakah masalah bekalan elektrik di negeri Sabah dapat diselesaikan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali bagi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Sapi pada 24 Mac 2014 memandangkan kedua-dua perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan isu yang sama iaitu perancangan Kementerian bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan amat peka akan masalah kualiti penyampaian bekalan elektrik dan gangguan bekalan elektrik yang masih dihadapi oleh pengguna-pengguna di Sabah. Perancangan pembekalan elektrik di negeri Sabah merupakan suatu komitmen menyeluruh dan berterusan oleh Kerajaan dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kebolehharian pembekalan elektrik di Sabah.
2. Tahap pembekalan elektrik di sesuatu tempat boleh diukur melalui pencapaian *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) (dengan izin) yang merupakan indeks yang digunakan untuk menilai

kadar gangguan bekalan yang dialami oleh seseorang pengguna dalam setahun. SAIDI merupakan petunjuk bagi memantau prestasi sistem pembekalan elektrik oleh pihak utiliti atau agensi penguatkuasa dan bukannya merupakan satu sistem yang berfungsi mengawal kejadian-kejadian gangguan bekalan daripada berlaku.

3. Untuk makluman Ahli-ahli Yang terhormat, sungguhpun keadaan gangguan bekalan masih berlaku di Sabah, akan tetapi kadar kekerapannya telah berjaya dikurangkan terutamanya dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Secara statistik, catatan SAIDI pada tahun 2009 adalah pada tahap **2,867** minit/pelanggan/tahun. Melalui usaha-usaha giat yang telah diambil oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan, kadar SAIDI telah dapat dikurangkan kepada **687.38** minit/pelanggan/setahun pada 2010, seterusnya kepada **494.64** minit/pelanggan/setahun pada 2011, **557** minit/pelanggan/tahun pada tahun 2012 dan **423.99** minit/pelanggan/tahun pada tahun 2013. Ini merupakan pengurangan sebanyak **85.2%** pada tahun 2013 berbanding dengan catatan pada tahun 2009.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

4. Kejadian yang berlaku pada 17 Januari 2014 adalah disebabkan oleh fakta bahawa dua (2) stesen janakuasa utama milik Penjana-penjanan Bebas (IPP) telah terhenti tugas dalam tempoh yang singkat (secara mengejut dan di luar kawalan) dan menyebabkan Grid Sistem tidak dapat menampung dan bertindak untuk mengelakkan berlakunya dengan izin *Total Blackout*. Kehilangan dua (2) stesen janakuasa yang berkapasiti 180MW setiap satu adalah sangat besar kesannya kepada Sistem Grid Sabah. Pihak Suruhanjaya Tenaga dengan kerjasama daripada pihak Tenaga Nasional Berhad dan SESB sedang melaksanakan siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian dan langkah-langkah bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang lagi pada masa akan depan.

5. Dalam pada itu, cadangan-cadangan penambahbaikan kepada sistem pertahanan Grid Sabah dan stesen janakuasa IPP sedang dalam pelaksanaan. Pihak SESB sedang mengambil tindakan ke atas perkara-perkara berikut:

- (i) memantau kerja-kerja rentis pada semua talian penghantaran;

- (ii) membuat kajian semula secara menyeluruh ke atas *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk proses pemulihan bekalan;
- (iii) memeriksa keadaan dan menambahbaik sistem komunikasi antara *Load Despatch Centre* (LDC) dan semua stesen janakuasa;
- (iv) memastikan kesemua stesen janakuasa mengikut LDC SCADA *time tag* sebagai rujukan untuk memastikan kronologi kejadian-kejadian yang direkodkan adalah seragam; dan
- (v) mengkaji semula *protection relays* dengan izin bagi menentukan kesinambungan operasi setiap unit janakuasa bagi tempoh 600 milisaat semasa kehilangan sementara (*temporary loss*) voltan arus ulang alik bagi semua stesen janakuasa.

Masalah gangguan bekalan elektrik dijangka akan dapat diselesaikan setelah semua langkah-langkah yang dicadangkan diambil tindakan oleh SESB.

\*\*\*\*\*

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran pengurangan pelaburan **PETRONAS** di luar negeri dan kesannya kepada pendapatan **PETRONAS** serta alasan penarikan pelaburan tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada pengurangan pelaburan (*capital investment*) PETRONAS di luar negeri malahan meningkat dari RM10.3 bilion pada tahun 2010 kepada RM13.0 bilion pada tahun 2011 dan RM14.1 bilion pada tahun 2012 seperti di Jadual berikut:

<b>Tahun</b>	<b><i>International Capital Investment</i></b> <b>(RM Bilion)</b>
2012 <sup>1</sup>	14.1
2011 <sup>2</sup>	13.0
2010 <sup>3</sup>	10.3

Pelaburan PETRONAS dibuat berdasarkan peluang yang sedia ada pada masa itu dan dinilai berdasarkan merit dan pulangan pelaburan tersebut.

PETRONAS pada masa ini beroperasi dan mempunyai pelaburan dalam pelbagai projek minyak dan gas di lebih daripada 25 buah negara. Selaras dengan usaha pengurusan portfolio pelaburan yang mantap dan berkeuntungan, PETRONAS sentiasa menjalankan kajian portfolio pelaburan yang komprehensif bagi menilai pelaburan perniagaan serta strategi untuk memastikan kemampuan pelaburan bagi jangka masa yang panjang.

Sekian. Terima kasih.

<sup>1</sup>Tempoh tahun kewangan 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2012

<sup>2</sup>Tempoh kewangan 1 April 2011 hingga 31 Disember 2011

<sup>3</sup>Tempoh kewangan 1 April 2010 hingga 31 Mac 2011

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]**  
**TARIKH** : **12.03.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar luar negara di IPTA mengikut pecahan negara asal, gender, bidang pengajian serta berapakah jumlah kos subsidi IPTA kepada golongan ini setahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Mac 2013, enrolmen pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah seramai 26,290 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 17,728 orang pelajar adalah lelaki dan 8,562 orang pelajar perempuan mengikuti bidang pengajian seperti berikut:

1. Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan seramai 7,566 orang;
2. Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan seramai 6,984 orang;
3. Sains, Matematik dan Komputer seramai 5,176 orang;
4. Sastera dan Kemanusiaan seramai 3,260 orang;
5. Pendidikan seramai 1,410 orang;
6. Kesihatan dan Kebajikan seramai 1,043 orang;
7. Pertanian dan Veterinar seramai 384 orang;
8. Perkhidmatan seramai 271 orang;

9. Program Asas seramai 188 orang; dan
10. Lain-lain seramai 8 orang.

Bilangan pelajar dari negara Iran adalah merupakan bilangan tertinggi di IPTA, iaitu seramai 5,598 orang, diikuti oleh Indonesia seramai 3,533 orang, China seramai 1,840 orang, Iraq seramai 1,660 orang dan Yemen seramai 1,517 orang.

Pelajar antarabangsa telah dikenakan yuran pengajian secara sepenuhnya di IPTA dan Kerajaan tidak memberikan subsidi kepada mereka untuk melanjutkan pengajian di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI  
BIN ABDUL AZIZ  
(RAUB)**

**TARIKH : 12.3. 2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:**

- (a) mengapakah Kementerian mengeluarkan 're-tender' ke atas penyiapan dua buah kapal latihan yang dibina oleh NGV Tech Sdn. Bhd., dan**
- (b) berapa buah dan nama syarikat-syarikat yang terlibat dalam 're-tender exercise' tersebut.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Kementerian telah mengeluarkan ‘Request for Proposal’ (RFP) untuk menyiapkan 2 buah kapal latihan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) kerana Syarikat NGV Tech Sdn. Bhd. sedang dalam proses penggulungan.**
- (b) Sebanyak 5 buah syarikat limbungan tempatan telah mengemukakan RFP iaitu:**
- i. Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd;**
  - ii. Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd;**
  - iii. Grade One Marine Syipyard Sdn Bhd;**
  - iv. Malaysia Marine & Heavy Engineering Sdn Bhd; dan**
  - v. NGV Marine Engineering & Logistik Sdn Bhd.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI  
BIN ABDUL AZIZ  
(RAUB)**

**TARIKH : 12.3. 2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:**

- (a) mengapakah Kementerian mengeluarkan 're-tender' ke atas penyiapan dua buah kapal latihan yang dibina oleh NGV Tech Sdn. Bhd., dan**
- (b) berapa buah dan nama syarikat-syarikat yang terlibat dalam 're-tender exercise' tersebut.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Kementerian telah mengeluarkan ‘Request for Proposal’ (RFP) untuk menyiapkan 2 buah kapal latihan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) kerana Syarikat NGV Tech Sdn. Bhd. sedang dalam proses penggulungan.**
- (b) Sebanyak 5 buah syarikat limbungan tempatan telah mengemukakan RFP iaitu:**
- i. Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd;**
  - ii. Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd;**
  - iii. Grade One Marine Syipyard Sdn Bhd;**
  - iv. Malaysia Marine & Heavy Engineering Sdn Bhd; dan**
  - v. NGV Marine Engineering & Logistik Sdn Bhd.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT.**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
( MARANG )**  
**TARIKH** : **12 MAC, 2014 ( RABU )**  
**NO SOALAN** : **NOMBOR 33**

---

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT DATO' SERI ABDUL HADI AWANG [ MARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Kementerian-kementerian berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri dan **Jabatan Perdana Menteri sendiri untuk meredakan ketegangan agama dan kaum yang semakin hari semakin memuncak mutakhir ini.**

**JAWAPAN :**

**Tan Sri Yang Di Pertua ;**

***(Pertanyaan ini dijawab bersekali dengan Pertanyaan Lisan pada 19 Mac 2014 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Nibong Tebal ).***

Bagi meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) sejak 9 Februari 2010. Berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan semangat keterangkuman (*inclusiveness*) mengikut gagasan 1Malaysia, ianya berfungsi sebagai satu mekanisme untuk berdialog,

berunding dan menyelesaikan isu-isu antara penganut agama. Empat (4) jawatankuasa kerja diwujudkan untuk memupuk persefahaman terhadap isu-isu antara penganut agama, menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat.

Di samping mesyuarat dan forum formal melalui JKMPKA, pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin agama juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, dialog, sesi perbincangan meja bulat (RTD) dan kegiatan bersama dan galakan dengan bantuan JPNIN. Antara pertubuhan-pertubuhan yang aktif dan sering terlibat termasuklah *Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN)*, *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism & Taoism (MCCBCHST)*, *Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF)*, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), *Islamic Information Services (IIS)*, *Malaysia Inter-Faith Network*, *Global Peace Foundation* dan *Cheng Ho Multi Cultural & Education Trust*.

Maka, jelaslah bahawa hubungan di antara kaum untuk tujuan mengekal dan mengukuhkan kedamaian di antara agama di Malaysia adalah melalui proses pergaulan, perbincangan dan penyertaan dalam pelbagai forum, dialog, perbincangan dan aktiviti bersama yang bermakna. Ianya memerlukan semangat keterangkuman (*inclusiveness*), sikap positif dan terbuka, serta pendekatan membina dari semua pihak mengikut Gagasan 1Malaysia.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE**  
**KAWASAN : GOPENG**  
**TARIKH : 12 MAC 2014, RABU**

**SOALAN: 34**

**YB. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah keseluruhan pampasan yang diberikan kepada kesemua konsesi tol lebuhraya mengikut pemegang konsesi tol.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menangguhkan kenaikan tol di 14 lebuhraya pada tahun 2014. Berikutan daripada itu, Kerajaan perlu membayar pampasan yang dianggarkan sebanyak RM400 juta. Pecahan bayaran adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014 (RM juta)</b>
1	E10: Lebuhraya Baru Pantai (NPE)	32
2	E35: Lebuhraya Shah Alam – Kuang (GCE)	23
3	E11: Lebuhraya Damansara – Puchong (LDP)	89
4	E12: Lebuhraya Bertingkat Ampang - Kuala Lumpur (AKLEH)	22
5	E18: Lebuhraya Lingkaran Kajang (SILK)	22
6	E21 Lebuhraya Kajang - Seremban (LEKAS)	13
7	E22: Lebuhraya Senai - Desaru (SDE)	9
8	E23: Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT)	72

<b>Bil</b>	<b>Lebuhraya</b>	<b>Anggaran Pampasan Tahun 2014 (RM juta)</b>
9	E26: Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE)	5
10	E38: Terowong SMART	19
11	E33: Lebuhraya Duta - Ulu Kelang (DUKE)	25
12	E9: Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)	27
13	E20: Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX)	30
14	E17: Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)	12
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>400</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, peruntukan bayaran pampasan diperolehi daripada peruntukan belanjawan mengurus yang disalurkan melalui Kementerian Kewangan.

Pengiraan bayaran pampasan dibuat berdasarkan formula perkiraan pampasan yang telah ditetapkan di dalam perjanjian konsesi masing-masing. Jumlah sebenar bayaran akan ditentukan selepas verifikasi trafik yang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]**  
**TARIKH** : **12.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada PBS akan terus diguna pakai atau dimansuhkan memandangkan sistem ini telah banyak menyusahkan guru-guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014 sehingga penghujung Mac 2014. Dalam tempoh ini, pelaksanaan PBS ditangguhkan sehingga keputusan kajian semula selesai. Sementara itu, guru

diminta memberi fokus pengajaran seperti biasa pada murid. YAB Menteri Pendidikan akan memaklumkan tindakan penambahbaikan berasaskan kepada keputusan kajian semula tersebut.

Rjm 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Fong Kui Lun** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi menjayakan pelancaran program Tahun Melawat Malaysia 2014 dan bagaimanakah sambutan di peringkat negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sasaran bilangan ketibaan pelancong dan pakej menarik yang disediakan.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan bagi penganjuran Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 yang telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 4 Januari 2014 di Dataran Merdeka adalah sebanyak RM8.6 juta merangkumi segala perbelanjaan bagi pengisian program dan keperluan fizikal sepanjang penganjuran majlis.

Penganjuran acara ini adalah bertujuan untuk melancarkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 serta mengalu-alukan kehadiran pelancong-pelancong asing ke Malaysia. Majlis Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 telah menampilkan pelbagai pengisian program dan acara utama iaitu persembahan kebudayaan, 1Malaysia Food Festival, 1Malaysia Green 1Malaysia Clean dan Pameran Seni Kraftangan. Selain daripada itu, majlis pelancaran juga menampilkan gimik "*High Resolution Video Projection*" dan pameran produk-produk pelancongan dan kebudayaan mengikut kluster seperti kebudayaan dan warisan, membeli-belah dan gaya hidup, Homestay, eco-tourism, food tourism, pelancongan sukan lasak dan lain-lain. Pengisian program yang dirancang ini adalah bertujuan bagi memberi peluang kepada para pengunjung untuk mengenali dengan lebih dekat pelbagai produk pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, majlis pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 telah berjalan dengan sempurna dengan hampir 50,000 pengunjung ke Dataran Merdeka. Daripada jumlah ini, hampir 5,000 pengunjung asing telah menghadiri majlis pelancaran ini. Di samping itu, majlis ini juga telah diberikan liputan meluas oleh sebanyak 270 media *Mega Fam* dan 150 media tempatan. Selain itu, sejumlah 400 *package buyers* telah menghadiri majlis ini. Antara pakej menarik yang telah disediakan dan diwar-warkan di kawasan pameran, booth dan pusat penerangan adalah seperti Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages, Bird Watching Packages, Kelantan Guided Tours dan Sabah Packages.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG ANAK GANDUM**  
**[JULAU]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan sistem *e-Government* supaya hasilnya lebih berkesan terutamanya dalam memantapkan sistem penyampaian sektor awam bertaraf antarabangsa akan tercapai seiring dengan kesedaran masyarakat hari ini melalui kepentingan ICT.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Kerajaan Elektronik didapati mempercepatkan proses kerja, meningkatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan serta mengurangkan kos dan masa. Perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Elektronik dikategorikan kepada *Citizen to Government* (C2G); *Business to Government* (B2G) dan *Government to Government* (G2G). Di antara projek-projek Kerajaan Elektronik terkini ialah:-

- i. 1Malaysia *Training Centre* (1MTC);
- ii. 1Malaysia *One Call Centre* (1MOCC);
- iii. *MyIDENTITY*;
- iv. Sistem Pengurusan Pesakit (SPP);
- v. Peluasan *National Enterprise-wide Statistical System* (NEWSS);
- vi. Perkhidmatan *Public Key Infrastructure* (GPKI) Sektor Awam;
- vii. Pusat Data Sektor Awam (PDSA);
- viii. Perkhidmatan Rangkaian 1Gov\*Net;
- ix. Peluasan *Government Regional Electronic Advancement Transformation* (GREAT); dan
- x. MyCoID.

Usaha-usaha Kerajaan telah dilaksanakan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan sistem *e-Government* supaya hasilnya lebih berkesan terutamanya dalam memantapkan sistem penyampaian sektor awam bertaraf antarabangsa seiring dengan kesedaran masyarakat pada hari ini melalui kepentingan ICT iaitu:-

- i. Memantapkan dan mempelbagaikan perkhidmatan kerajaan secara *online*;
- ii. Memperkasakan infrastruktur ICT seperti perkakasan dan perisian yang selari dengan teknologi semasa;
- iii. Meningkatkan kebolehcapaian ke atas sesuatu perkhidmatan yang ditawarkan;
- iv. Mengoptimumkan perkongsian sumber melalui perkhidmatan ICT (*shared service*);
- v. Penggunaan ICT dalam pelbagai perkhidmatan dan produk yang ditawarkan;
- vi. Mengkonsolidasi dan mengintegrasikan rangkaian bagi mewujudkan capaian kepada penyampaian *online* Kerajaan yang lebih efektif dan berkesan;
- vii. Mempelbagaikan perkhidmatan Kerajaan melalui pelbagai media baru; dan
- viii. Meluaskan akses capaian tanpa wayar.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan memberi peruntukan untuk Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA). Apakah kejayaan yang tercapai melalui program atau aktiviti tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri tiada menyediakan peruntukan khusus kepada pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA). Walaubagaimanapun, sedikit peruntukan disediakan untuk membantu badan tersebut mengadakan seminar '**TRANSFORMASI EKONOMI ANTARA KAUM DAN BANGSA TERAS SEBAGAI ASAS PERPADUAN RAKYAT**' telah diberikan dan program ini telah dihadiri dan memberi manfaat kepada 5000 peserta.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 12 MAC 2014 ( RABU )  
DARIPADA : Y.B. TUAN SEAH LEONG PENG  
[ TELOK INTAN ]

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN SEAH LEONG PENG [ TELOK INTAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana pemantauan diadakan agar tapak pelupusan sampah tidak menyumbang kepada pencemaran alam sekitar terutama daripada segi bau dan apakah tindakan yang akan diambil sekiranya Kerajaan Tempatan gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah pemantauan yang diambil oleh pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) agar tapak pelupusan sisa pepejal tidak menyumbang kepada pencemaran alam sekitar adalah dengan melantik dan menempatkan pegawai penguatkuasa di setiap negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672). Selain memantau syarikat Konsesi pemungutan sisa pepejal, pegawai penguatkuasa tersebut juga bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan di tapak pelupusan di kawasannya secara berkala.

Selain itu, pihak Kementerian juga telah menyediakan manual operasi standard (SOP) bagi pengoperasian sebuah tapak pelupusan. Sebagai contoh, operator tapak adalah bertanggungjawab untuk menutup selamat kawasan pelupusan yang aktif secara harian (*daily cover*) bagi mengekang bau busuk dan mengawal masalah kacau ganggu yang disebabkan oleh makhluk perosak.

Tindakan yang boleh diambil bagi operator tapak pelupusan yang tidak mematuhi arahan adalah seperti mengenakan kompaun di bawah sub seksyen 94. (1) atau pun penalti menurut seksyen 107, Akta 672.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]**  
**TARIKH : 12.03.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada komputer riba atau laptop 1Malaysia akan diberikan secara percuma kepada semua pelajar sekolah menengah dan rendah. Berapakah jumlah keseluruhan komputer riba atau laptop 1Malaysia akan diagihkan dan kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menyokong sebarang langkah untuk meningkatkan tahap kemahiran murid dalam penggunaan teknologi terutama sekali kemahiran abad ke 21. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah pun memulakan usaha ke arah itu semenjak tahun 2001 melalui projek rintis penggunaan perkakasan elektronik (*e-book*) yang dilaksanakan secara rintis di 35 buah sekolah menengah di 10 buah negeri. Seramai 1,857 orang murid menerima *e-book* tersebut. Mulai tahun 2007 sehingga tahun 2009 INTEL telah menyumbang lebih 2500 unit *Classroom PC* atau *netbook* ke sekolah dan institusi pendidikan di mana sejumlah 2,240 buah telah diedarkan kepada pelajar-pelajar di 22 buah sekolah dalam dua fasa untuk menguji keberkesanan pembelajaran secara 1murid 1komputer. Latihan kepada guru dan murid dilaksanakan secara berterusan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan Negeri Terengganu telah menerajui usaha ini secara besar-besaran semenjak tahun 2009 dengan mengagihkan 114,285 unit (sehingga 10 Jun 2012) kepada semua murid Tahun 5, Tahun 6, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 di semua sekolah bantuan penuh kerajaan pusat dan kerajaan negeri di Terengganu. Pada masa ini KPM sedang dalam peringkat kajian pelaksanaan teknologi *cloud computing* selaras dengan pelaksanaan Projek 1BestariNet untuk melihat sejauh mana konsep 1murid 1komputer memberi kesan dalam pembelajaran.

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melancarkan inisiatif Komputer 1Malaysia bermula pada tahun 2010. Sebanyak 1 juta unit komputer telah diperuntukkan untuk diagihkan kepada pelajar sekolah dan orang awam dari kalangan keluarga berpendapatan rendah dengan nisbah peruntukan 65 peratus pelajar dan 35 peratus orang awam. Justeru, peruntukan sebanyak 650 ribu unit komputer 1Malaysia kepada pelajar sekolah berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan disediakan. Pemilihan pelajar ini melibatkan pemilihan dan saringan dari Pejabat Pendidikan Daerah, pihak sekolah dan pemimpin masyarakat setempat bagi memastikan penerima yang menerima *netbook* ini mematuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH** : **12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN** : **41**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana Strategi Perlaksanaan Jalur Lebar Negara atau Pelan Jalur Lebar Negara (NBI) telah berjaya dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di negeri Kelantan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mewujudkan masyarakat berinformasi dan meningkatkan kadar celik IT, pelbagai latihan ICT, program kesedaran dan promosi jalur lebar seperti Karnival Jalur Lebar 1Malaysia (KJL1M) dan Klik Dengan Bijak (KDB) telah dilaksanakan sepanjang tahun lepas untuk memberi pendedahan dan kesedaran terutama kepada masyarakat di luar bandar.

## SOALAN NO: 41

Di Kelantan, sebanyak 51 menara telekomunikasi di bawah projek Time 3 telah dilaksanakan. Selain daripada itu, sebanyak 221 buah Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) dan 33 buah Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) telah dibina. Bagi memberi kemudahan kepada para pelajar yang kurang berkemampuan mengakses ke internet, sebanyak 45,000 buah Komputer 1Malaysia telah diagihkan.

Antara program yang telah dilaksanakan di Kelantan pada tahun lepas termasuk Mini Karnival Jalur Lebar 1Malaysia di Gua Musang dan Latihan Intensif Sub-Modul Klik Dengan Bijak Bagi Jurulatih Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) di Pasir Mas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
(PAYA BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.03.2014**

**Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan awam yang dapat dijimatkan susulan pengumuman 11 langkah perbelanjaan kerajaan yang diumumkan YAB. Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak bagi mengukuhkan kedudukan fiskal dan mengurangkan bajet defisit negara.

**JAWAPAN**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun melaksanakan 11 langkah penjimatan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014 - Garis Panduan Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam berkuatkuasa mulai 2 Januari 2014. Anggaran penjimatan perbelanjaan awam daripada pelaksanaan 11 langkah tersebut adalah sebanyak RM400 juta.

Bagi memastikan pembelian barangan dan perkhidmatan adalah berdasarkan nilai wang setimpal (value for money), Kerajaan telah memutuskan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2014 - Langkah Penjimatan Dalam Perolehan Kerajaan: Had Nilai Pembelian Terus Bagi Bekalan & Perkhidmatan dan Had Nilai Kerja-Kerja Requisition berkuatkuasa mulai 18 Februari 2014 seperti berikut:

i. Mengurangkan threshold bagi pembelian terus dari RM50,000 kepada RM20,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan; dan

ii. Mengurangkan siling bagi pembelian yang menggunakan Jadual Kadar (Schedule of Rates) daripada RM100,000 kepada RM50,000 bagi perolehan kerja.

Anggaran penjimatan perbelanjaan awam daripada pelaksanaan langkah tersebut adalah sebanyak RM320 juta bagi tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah yang telah dilaksanakan akan membantu Kerajaan Persekutuan dalam mencapai sasaran paras defisit fiskal pada 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun ini. Langkah ini juga selaras dengan komitmen jangka panjang Kerajaan untuk mencapai sasaran defisit fiskal pada paras 3% kepada KDNK pada 2015 dan bajet berimbang (balanced budget) pada 2020.

**Disediakan : Muhammad Reezal Ahmad**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**  
**[PADANG BESAR]**  
**TARIKH : 12.03.2014 (SELASA)**

**DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:**

- a) Berapa ramaikah pemborong, pembekal dan peruncit barang kawalan dan barangan bukan kawalan yang telah diambil tindakan kompaun dan perundangan kerana sengaja menaikkan harga barang berlebihan pada tahun ini; dan
- b) Sejauh manakah proses perundangan yang telah diambil terhadap mereka yang menaikkan harga barangan bukan kawalan secara sewenang-wenangnya.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa mengambil usaha untuk memastikan harga barangan di pasaran dijual pada harga yang berpatutan dan mampu dibeli oleh rakyat.

Tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan diambil jika peniaga gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan termasuk sengaja menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya. Dari 1 Januari sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 254,407 pemeriksaan telah dilaksanakan di bawah akta ini dan 1,510 kes dihasilkan. Jumlah nilai rampasan adalah sebanyak RM 249 ribu dan nilai kompaun berjumlah RM124 ribu.

Selain daripada itu, bagi tempoh yang sama, Kementerian telah mengeluarkan 89 notis kepada peniaga bagi mendapatkan sebab-sebab kenaikan harga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI  
[TENOM - BN ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 44)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelaksanaan yang telah dirancang bagi Program Pembangunan Bola Sepak Negara dengan sasaran untuk pasukan remaja Malaysia layak bersaing di Kejohanan Piala Dunia Remaja 17 tahun pada 2019.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pembangunan Bolasepak Negara pada tahun 2010 untuk memberi lebih tumpuan kepada usaha-usaha pembangunan bolasepak di peringkat akar umbi terutamanya pada peringkat umur 7 ke 12 tahun. Sasaran pertama yang ditetapkan oleh program ini pada ketika itu ialah untuk layak ke Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019. Pemain-pemain yang dilatih untuk Skwad Projek 2019 ini telah dipilih dari 14 Pusat-pusat Kecemerlangan Mykids yang ditubuhkan disetiap negeri yang berfungsi melatih pemain-pemain berpotensi dari umur 7 ke 12 tahun. Umur sebahagian besar pemain-pemain Projek 2019 akan mencecah 12 tahun pada tahun ini.
2. Namun begitu, pada tahun lepas, Jawatankuasa Pembangunan Bolasepak Negara telah mengumumkan tentang perlunya satu pelan strategik jangka panjang bagi memperkasa dan memberi nafas baharu kepada program pembangunan bolasepak sedia ada. Negara Jepun contohnya, telah berjaya mengangkat martabat bolasepak mereka dengan program tersusun yang mengambil masa sekurang-kurangnya 50 tahun.

3. Hasil daripada kajian terperinci dan timbal balas yang telah diberikan oleh berbagai pihak yang terlibat di dalam industri bolasepak negara, kementerian akan melancarkan Pelan Pembangunan Bolasepak Negara (PPBN) dalam masa yang terdekat ini. Pelan ini akan menggariskan satu perancangan holistik yang ditumpukan kepada pembangunan bolasepak secara tersusun dari peringkat umur 7 ke 17 tahun. Pelan ini juga akan disandarkan kepada 5 teras strategik iaitu; DNA atau Falsafah Bolasepak Negara, Kejurulatihan, Kemudahan, Pertandingan dan Pencarian Bakat
4. Kelayakan ke Kejohanan Piala Dunia bawah 17 pada tahun 2019 masih dikekalkan sebagai 'milestone' pertama kepada PPBN. Skuad Projek 2019 kini berada dibawah kendalian Pengarah Projek PPBN sendiri iaitu bekas pemain kebangsaan En. Lim Teong Kim yang telah dibawa balik dari Bayern Munich. Pemain-pemain ini juga akan menjadi kumpulan elit pertama yang akan ditempatkan di Akademi Bolasepak Negara di Gambang, Pahang pada tahun hadapan.
5. Namun perlu ditegaskan bahawasanya Pelan Pembangunan Bolasepak Negara akan berpandangan lebih jauh dan akan melalui fasa pertama bermula dari tahun 2014 ke 2020 dan seterusnya fasa pengukuhan ekosistem dari tahun 2021 ke 2030

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6483**

**SOALAN:**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pecahan peruntukan mengikut negeri bagi kemudahan infrastruktur di perkarangan dan pejabat dan balai polis seperti kemudahan taraf dunia bagi anggota polis PDRM terutama sekali IO yang perlu berkhidmat dibawah "*working condition*" yang amat tidak memuaskan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan sememangnya amat serius dalam usaha-usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme PDRM bagi memastikan mereka dapat memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Usaha-usaha menaik taraf semua aset PDRM termasuk balai-balai polis uzur, daif dengan pembinaan balai polis baru dan balai polis komuniti terutama di kawasan penempatan baru sentiasa menjadi keutamaan pihak Kerajaan dan akan dibuat secara berterusan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 2014 Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM118.17 juta bagi tujuan kemudahan pembangunan infrastruktur kepada PDRM. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM3.79 juta diperuntukkan untuk penyediaan bilik bagi pejabat IO untuk tahun 2014.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)  
**PERTANYAAN** : LISAN  
**TARIKH** : 12.03.2014

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) apakah inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan sebagai bantuan kepada peniaga kecil dan sederhana (SME) bagi mereka dalam menghadapi impak semasa pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST); dan

(b) apakah bentuk perancangan yang akan dilaksanakan untuk memberikan penerangan yang secukupnya kepada rakyat sebelum GST dilaksanakan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu golongan peniaga terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah dalam Bajet 2014 seperti berikut:-

- i. kadar cukai pendapatan syarikat korporat dikurangkan satu mata peratus daripada 25 peratus kepada 24 peratus. Bagi syarikat kecil dan sederhana, dikurangkan satu mata peratus daripada 20 peratus kepada 19 peratus;
- ii. mengurangkan kadar cukai pendapatan untuk pendapatan bercukai RM500,000 yang pertama daripada 20% ke 19%;
- iii. Perbelanjaan pembelian peralatan dan perisian ICT diberi Elaun Modal Dipercepatkan;

iv. Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan tambahan; dan

v. Yuran kesetiausahaan dan pemfailan cukai diberi potongan cukai pada had yang ditetapkan.

Di samping itu, Kerajaan turut menyediakan geran latihan sejumlah RM100 juta ringgit untuk peniaga menjalani latihan (tahun 2013 : RM50 juta; 2014 : RM50 juta) serta bantuan kewangan sebanyak RM150 juta bagi pembelian perisian perakaunan bersubsidi kepada PKS (2014/2015).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak tahun 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 28 Februari 2014, sebanyak 4,967 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 271,288 orang.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu sama ada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan *billboard* serta melalui media sosial seperti *blogspot*, laman web, *twitter* dan *facebook*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL – PKR ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 47)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci tentang jenis kerjasama dengan pihak Indonesia dalam aspek sukan dan belia, serta sasaran memorandum persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani dengan Indonesia pada 18 Disember 2013 mengenai kerjasama sukan dan belia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang belia dan sukan di antara Malaysia dan Indonesia telah ditandatangani pada 19 Disember, 2013 di Jakarta, Indonesia. Majlis tersebut disaksikan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan juga Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono yang hadir bersama sempena Mesyuarat Rundingan Tahunan kali ke-10 Malaysia dan Indonesia
  
2. Antara yang telah dipersetujui dalam MoU berkenaan bagi kerjasama dalam bidang Pembangunan Belia adalah:
  - 2.1 Perkongsian maklumat, kepakaran dan kemudahan dalam bidang pembangunan belia;
  
  - 2.2 Mengalakkan program pertukaran belia, penempatan pegawai, penyertaan ke persidangan, perkhemahan belia;
  
  - 2.3 Kerjasama dalam bidang kepimpinan dan keusahawanan belia;
  
  - 2.4 Mengalakkan kerjasama di antara pertubuhan belia ke dua-dua buah Negara.

## SULIT

- 2.5 Mengalakkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi di kalangan belia;
  - 2.6 Mengalakkan pelancongan belia sebagai pendekatan untuk meningkatkan persefahaman dan mengukuhkan persahabatan belia ke dua-dua buah Negara.
3. Manakala bagi kerjasama dalam bidang sukan adalah:
- 3.1 Perkongsian maklumat, kepakaran, kejurulatihan dan penyelidikan dalam pembangunan sukan prestasi tinggi, sukan untuk semua dan sains sukan;
  - 3.2 Perkongsian bahan penerbitan, data dan alat pengajaran dalam pendidikan jasmani yang bersesuaian dengan peraturan dan perundangan ke dua-dua buah Negara;
  - 3.3 Bekerjasama membangunkann Industri sukan;
  - 3.4 Bekerjasama untuk meningkatkan pencapaian sukan yang melibatkan kem latihan dan penganjuran perlawanan persahabatan;
  - 3.5 Pertukaran lawatan pegawai-pegawai;
  - 3.6 Mengalakkan dan membangunkan sukan tradisi.

**SULIT**

4. Sasaran MoU berkenaan adalah untuk meningkatkan usaha kerjasama dan persefahaman dalam bidang belia dan sukan di antara Kementerian Belia dan Sukan dan KEMENPORA serta di antara belia dan mereka yang terlibat dalam bidang pembangunan belia dan sukan di ke dua-dua buah Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**  
**TARIKH : 12 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes pesakit wabak denggi serta kes kematian dalam negara ini mengikut negeri dalam tempoh 5 tahun dari 2009-2014 serta langkah Kerajaan memerangi wabak ini

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes dan kematian denggi dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH KEMATIAN</b>
2008	<b>49,335 kes</b>	<b>112 kematian</b>
2009	<b>41,486 kes</b>	<b>88 kematian</b>
2010	<b>46,171 kes</b>	<b>134 kematian</b>
2011	<b>19,884 kes</b>	<b>36 kematian</b>
2012	<b>21,900 kes</b>	<b>35 kematian</b>
2013	<b>43,346 kes</b>	<b>92 kematian</b>

2014	<b>16,383 kes</b> (sehingga 23 Februari)	<b>29 kematian</b> (sehingga 23 Februari)
------	---	--

Pecahan kes dan kematian denggi mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

Peningkatan kes denggi yang berlaku merupakan fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Peningkatan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor lain iaitu:

1. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ia bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.
2. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes.
3. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain.

4. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada di kalangan orang ramai yang masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
5. Faktor cuaca terutama pada waktu hujan menyebabkan bekas-bekas boleh menakung air dan meningkatkan pembiakan Aedes
6. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka.
7. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
8. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
9. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.
8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awan mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 -2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014 Sehingga 23 Februari	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	184	0	191	0	215	0	110	0	172	1	226	1	40	0
KEDAH	1,678	0	750	0	782	3	514	0	817	4	813	1	142	1
PULAU PINANG	2,324	1	2,444	1	1,834	7	1,579	3	791	1	1,053	7	376	3
PERAK	4,219	9	2,734	3	2,288	6	1,411	2	1,716	5	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	21,262	46	18,676	48	16,367	45	7,758	14	9,113	12	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	5,446	13	3,746	9	4,205	6	2,038	2	1,814	5	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,405	3	1,057	6	1,501	7	737	3	552	2	1,198	1	1,066	1
MELAKA	830	2	769	5	1,485	12	450	0	449	0	1,505	9	592	1
JOHOR	3,908	17	2,528	3	4,406	12	1,583	7	1,650	1	4,828	24	1,064	5
PAHANG	1,327	1	907	2	1,688	5	894	1	641	1	725	2	201	0
TERENGGANU	1,721	5	968	0	1,472	3	675	1	739	0	600	0	180	0
KELANTAN	2,399	10	1,031	1	3,578	11	743	1	1,245	0	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,517	0	4,490	7	4,240	14	974	0	1,519	1	1,292	4	201	0
SABAH	1,045	2	1,170	3	2,091	3	402	2	672	2	724	5	236	0
WP LABUAN	70	3	25	0	19	0	16	0	10	0	14	0	3	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>49,335</b>	<b>112</b>	<b>41,486</b>	<b>88</b>	<b>46,171</b>	<b>134</b>	<b>19,884</b>	<b>36</b>	<b>21,900</b>	<b>35</b>	<b>43,346</b>	<b>92</b>	<b>16,383</b>	<b>29</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBEK  
[ MAS GADING ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6484**

**SOALAN:**

**Tuan Nogeh anak Gumbek [ Mas Gading ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai pelan untuk membina baru Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lundu, di Bahagian Kuching, Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPD sedia ada masih dalam keadaan baik dan beroperasi seperti biasa. Oleh yang demikian, kerajaan tidak berhasrat untuk membina IPD baru dalam masa terdekat.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ BACHOK ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah mesyuarat dan pertemuan rasmi Perdana Menteri bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi setiap negeri sepanjang 10 tahun. Apakah komitmen yang diberikan oleh Perdana Menteri hasil daripada pertemuan bersama Menteri Besar Kelantan pada November 2013 lalu. Apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 10 tahun kebelakangan ini, pelbagai mesyuarat dan pertemuan telah diadakan di antara Perdana Menteri dan Menteri Besar serta Ketua Menteri setiap negeri di Malaysia. Ini termasuklah mesyuarat berkala di antara Perdana Menteri dan Menteri Besar serta Ketua Menteri.

Kerajaan Persekutuan tidak pernah meminggirkan mana-mana Kerajaan Negeri, tidak kira sama ada ia ditadbir oleh kepimpinan Barisan Nasional atau pembangkang. Ini dapat dibuktikan dengan kerjasama yang di antara kedua-dua Kerajaan ketika pertemuan antara Perdana Menteri dan Menteri Besar Kelantan, perjanjian persefahaman di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri Selangor mengenai isu air serta perasmian Jambatan Kedua Pulau Pinang. Ketiga-tiga kerjasama ini bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada pihak-pihak yang terlibat, malahan ia akan mendatangkan manfaat yang besar kepada rakyat keseluruhannya.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.03.2014**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) kedudukan kewangan 1MDB untuk tahun berakhir Mac 2013, termasuk pendapatan, keuntungan, nilai aset dan baki pinjaman; dan

(b) sama ada juruaudit KPMG telah meletak jawatan kerana perbezaan pendapat mengenai akaun syarikat dengan pengurusan 1MDB, dan pengaudit baru Deloitte Touche telah dilantik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 1MDB dijangka akan memfailkan akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu sehingga 31 Mac 2014. Penyata akaun ini akan mengambil kira penyatuan (*consolidation*) akaun beberapa buah anak syarikat yang baru dengan aset yang besar di seluruh dunia ke dalam Kumpulan 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua,

Deloitte Touche telah dilantik setelah mengambil kira semua aspek pertimbangan termasuk kedudukan syarikat yang merupakan antara kumpulan firma audit *Big Four*. Deloitte Touche menggunakan piawaian pengauditan ketat selaras dengan amalan audit antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]  
**TARIKH :** 12 MAC 2014  
**SOALAN :**

**YB Tuan Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah bagi mengurangkan kes epidemic denggi.

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes dan kematian denggi dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH KEMATIAN</b>
2008	<b>49,335 kes</b>	<b>112 kematian</b>
2009	<b>41,486 kes</b>	<b>88 kematian</b>
2010	<b>46,171 kes</b>	<b>134 kematian</b>
2011	<b>19,884 kes</b>	<b>36 kematian</b>
2012	<b>21,900 kes</b>	<b>35 kematian</b>
2013	<b>43,346 kes</b>	<b>92 kematian</b>

2014	<b>16,383 kes</b> (sehingga 23 Februari)	<b>29 kematian</b> (sehingga 23 Februari)
------	---	--

Pecahan kes dan kematian denggi mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1**.

Peningkatan kes denggi yang berlaku merupakan fenomena global yang turut dialami oleh Malaysia. Peningkatan ini juga disebabkan oleh beberapa faktor lain iaitu:

1. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ia bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.
2. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes.
3. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain.

4. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada di kalangan orang ramai yang masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
5. Faktor cuaca terutama pada waktu hujan menyebabkan bekas-bekas boleh menakung air dan meningkatkan pembiakan Aedes
6. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka.
7. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
8. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes.
9. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKM telah memperuntukan sebanyak RM3 juta untuk aktiviti pendidikan kesihatan bagi pencegahan denggi.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.
3. Mengadakan Dengue Walk About di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti), semburan ruang menggunakan temephos (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.
8. Memastikan bekalan temephos untuk orang awan mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan Extended Hour kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.
11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 -2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN	2008		2009		2010		2011		2012		2013		2014 Sehingga 23 Februari	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	184	0	191	0	215	0	110	0	172	1	226	1	40	0
KEDAH	1,678	0	750	0	782	3	514	0	817	4	813	1	142	1
PULAU PINANG	2,324	1	2,444	1	1,834	7	1,579	3	791	1	1,053	7	376	3
PERAK	4,219	9	2,734	3	2,288	6	1,411	2	1,716	5	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	21,262	46	18,676	48	16,367	45	7,758	14	9,113	12	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	5,446	13	3,746	9	4,205	6	2,038	2	1,814	5	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,405	3	1,057	6	1,501	7	737	3	552	2	1,198	1	1,066	1
MELAKA	830	2	769	5	1,485	12	450	0	449	0	1,505	9	592	1
JOHOR	3,908	17	2,528	3	4,406	12	1,583	7	1,650	1	4,828	24	1,064	5
PAHANG	1,327	1	907	2	1,688	5	894	1	641	1	725	2	201	0
TERENGGANU	1,721	5	968	0	1,472	3	675	1	739	0	600	0	180	0
KELANTAN	2,399	10	1,031	1	3,578	11	743	1	1,245	0	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,517	0	4,490	7	4,240	14	974	0	1,519	1	1,292	4	201	0
SABAH	1,045	2	1,170	3	2,091	3	402	2	672	2	724	5	236	0
WP LABUAN	70	3	25	0	19	0	16	0	10	0	14	0	3	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>49,335</b>	<b>112</b>	<b>41,486</b>	<b>88</b>	<b>46,171</b>	<b>134</b>	<b>19,884</b>	<b>36</b>	<b>21,900</b>	<b>35</b>	<b>43,346</b>	<b>92</b>	<b>16,383</b>	<b>29</b>

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : **TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**TARIKH** : **12 MAC 2014 (RABU)**  
**SOALAN** : **Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan pelbagai kesulitan yang dialami oleh para pekebun sayur dan buah-buahan di Semenanjung Malaysia, apakah langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan tanah pertanian yang mereka hadapi dan nyatakan jenis subsidi dan insentif yang telah diberikan sejak tahun 2010 dan pada masa depan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha untuk mengenal pasti kawasan-kawasan baru yang sesuai untuk dibangunkan bagi aktiviti pertanian seperti pewujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Sungguhpun demikian, kelulusan pembukaan tanah untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sehingga Disember 2013, Kementerian telah membangunkan sebanyak 68 buah TKPM seluas 9,129.83 hektar yang melibatkan seramai 1,046 orang pengusaha. Jumlah pengeluaran bagi tahun 2013 ialah sebanyak 63.94 ribu tan metrik dengan nilai RM 89.97 juta.

Di samping itu, Kementerian juga telah membangunkan tanah terbiar seluas 9,213.2 hektar dengan melibatkan 7,517 orang pengusaha di Semenanjung

Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan tanaman sayur-sayuran, nanas, tebu, tembikai, pisang, roselle, jagung dan buah-buahan seperti nangka dan mangga. pengusaha. Pengeluaran yang dihasilkan adalah sebanyak 178 ribu tan dan nilai pengeluaran adalah sebanyak RM78.6 juta.

Kementerian juga telah menyediakan beberapa subsidi dan insentif kepada para petani untuk meneruskan kelangsungan aktiviti pertanian. Antara subsidi dan insentif yang telah diperkenalkan sejak tahun 2010 hingga kini adalah seperti berikut:

Bil	Program	Bentuk Bantuan
1.	Pakej Amalan Teknologi Tanaman Buah-buahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Infrastruktur ladang, pengairan dan perparitan, dan pemindahan teknologi</li> <li>● Pembinaan pusat pengumpulan, stor dan peralatan</li> <li>● Perolehan peralatan dan input pertanian</li> </ul>
2.	Pakej Amalan Teknologi Tanaman Sayur-sayuran dan Tanaman Kontan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pembangunan ladang dan teknologi fertigasi</li> <li>● Pembinaan pusat pengumpulan, stor, dan pembelian peralatan</li> <li>● Pengeluaran benih terpilih</li> <li>● Pelaksanaan aktiviti kesuburan, pemuliharaan sumber tanah dan kawalan perosak tanaman</li> </ul>
3.	Pakej Amalan Teknologi Florikultur	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penyediaan dan naik taraf infrastruktur, bahan input, peralatan, teknologi pengeluaran</li> </ul>
4.	Pakej Amalan Teknologi Lebah Madu	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bekalan set koloni lebah apis mellifera termasuk ratu yang diimport</li> <li>● Perolehan input pertanian, bahan &amp; peralatan</li> </ul>
5.	Pembangunan Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA / Tanah Terbiar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Benih berkualiti, baja dan racun, pembersihan kawasan, jalan ladang, perparitan, sistem pengairan, mekanisasi dan automasi ladang</li> </ul>
6.	Pembangunan Unit Peladang	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Input pertanian, benih tanaman, infrastruktur ladang</li> </ul>
7.	Pengeluaran Bahan Makanan Asas (Buah-buahan dan Sayur-sayuran)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Infrastruktur ladang, benih berkualiti, input pertanian peringkat awal</li> </ul>
8.	Bantuan Tanaman Nanas <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pakej A: Rancangan Tanam Baru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Benih, baja sebatian, baja semburan, bekalan hormon, pembersihan kawasan, racun rumpai, racun pracambah</li> </ul>

Bil	Program	Bentuk Bantuan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakej B: Rancangan Semula</li> </ul> <p style="text-align: right;">Tanam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baja sebatian, baja semburan, bekalan hormon, pembersihan kawasan, racun rumpai, racun pracambah</li> </ul>
9.	Insentif Percukaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun berturut-turut bermula dari tahun taksiran pertama syarikat memperoleh pendapatan berkanun</li> <li>• Kerugian sebelum dan semasa tempoh pegecualian juga adalah dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian 10 tahun</li> <li>• Dividen yang dibayar dari pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham</li> <li>• Insentif ini diberikan hanya kepada projek baru/ belum bermula sahaja</li> </ul>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[ BALING ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimanakah Kementerian dapat mengawal harga getah bagi mengelakkan penoreh berhadapan dengan kesan kejatuhan harga yang melampau

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi-komoditi lain juga bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa. Selain itu, ia juga ada hubung kait dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama, termasuk China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Sejak suku tahun ketiga 2013, negara-negara pengimport tersebut telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan, yang secara langsung telah mengurangkan permintaan dan seterusnya memberi kesan kepada harga.

Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga getah ialah dengan mewujudkan kerjasama di kalangan tiga buah negara pengeluar utama getah iaitu, Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC merupakan forum bagi membincangkan penstabilan pengeluaran getah untuk memberi impak kepada pengukuhan harga getah melalui langkah-langkah berikut:

- i. Pelaksanaan ***Agreed Export Tonnage Scheme*** (AETS) untuk mengawal eksport melalui penetapan kuota. Mekanisme ini telahpun dilaksanakan mulai 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013. Pada tempoh itu, ketiga-tiga negara tersebut secara kolektif telah menghadkan pengeksportan 300,000 tan getah asli; dan

- ii. Melaksanakan *Supply Management Scheme* (SMS) sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk mengimbangi permintaan dan penawaran dunia bagi memastikan satu paras harga yang menguntungkan. Di bawah SMS ini, ketiga-tiga negara ITRC tersebut akan dapat mengawal bekalan getah asli dunia menerusi program tanam semula dan tanaman baharu getah secara terancang.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa penurunan harga getah mempunyai kesan kepada pendapatan lebih 400,000 pekebun kecil dan golongan ini mengusahakan hampir 95% daripada tanaman getah negara. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan ini adalah seperti berikut :

- i. Menyediakan bantuan *one-off* sebanyak RM500 kepada para pekebun kecil pada bulan Mei 2013, di mana Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM160 juta; dan
- ii. Menyediakan insentif bantuan menanam semula dengan menggunakan benih klon getah yang berkualiti tinggi. Bagi tahun 2012-2014, Kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) untuk membiayai program tanam semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING  
[ STAMPIN ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN : 55**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci mengikut bahagian Liputan 3G di seluruh kawasan bandar Sarawak serta liputan Base Tranceiver Station (BTS) dari segi jejari km.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara purata, liputan 3G bagi kawasan berpenduduk di negeri Sarawak adalah 68%. Sehingga kini terdapat 1,700 Base Tranceiver Station (BTS) 3G di seluruh negeri Sarawak. Purata liputan 3G di kawasan berpenduduk dan jumlah BTS 3G mengikut Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

**SOALAN NO: 55**

<b>Bahagian</b>	<b>Liputan 3G di kawasan berpenduduk (%)</b>	<b>Jumlah BTS 3G</b>
Kapit	19.1	9
Miri	60.3	213
Bintulu	72.8	137
Sibu	73.5	123
Limbang	30.2	48
Mukah	10.0	50
Sri Aman	39.8	26
Samarahan	59.5	139
Kuching	89.3	527
Sarikei	41.7	34
Betong	36.3	35
<b>Jumlah</b>		<b>1341</b>

Kilometer radius atau jejari km bagi sesebuah BTS atau stesen pemancar 3G dikira dari 3 hingga 5 jejari km. Ia bergantung kepada teknologi dan frekuensi bagi sesebuah BTS yang digunakan di tapak pemancar tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah syarat untuk penawaran pinjaman di bawah Skim Prihatin Pendidikan 1 Malaysia (SSP1M). Apakah angka terperinci pinjaman yang ditawarkan dan universiti-universiti negara asing pelajar-pelajar berkenaan sedang belajar dan berapa peratus pelajar-pelajar tersebut adalah daripada Sarawak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1) Pengenalan:

Skim Prihatin Pendidikan 1Malaysia (SPP1M) adalah sebuah skim:-

- berunsurkan dana '*top up*' kepada dana atau biasiswa sedia ada
- untuk pelajar yang sedang mengikuti ijazah pertama dalam bidang sains, teknologi, professional
- untuk pelajar ijazah sarjana bidang kepakaran perubatan
- meliputi ijazah dari institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- dilancarkan oleh YAB Dato' Sri Najib Tun Haji Abdul Razak pada 6 Feb 2013.

2) Syarat penawaran pinjaman adalah:-

- Warganegara Malaysia;
- Mengikuti pengajian sepenuh masa program Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains, Teknologi dan Profesional;
- Institusi pengajian tinggi dalam negara yang disenarai dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia SETARA 11 oleh Agensi Kelayakan Malaysia serta berdaftar dengan YPPB;

- Institusi pengajian tinggi luar negara disenarai dalam 100 universiti teratas di dunia mengikut QS World Ranking 2013;
- Telah membayar 5% daripada jumlah keseluruhan yuran pengajian atau sekurang-kurangnya RM10,000;
- Maksimum pinjaman adalah RM150,000 untuk program Perubatan, Pergigian dan Farmasi (pelajar Tahun 2 dan ke atas sahaja);
- Maksimum RM100,000 untuk program bidang Sains, Teknologi dan Profesional;
- Memenuhi syarat kelayakan pinjaman institusi kewangan.

3) Angka terperinci pinjaman yang ditawarkan sehingga Februari 2014 serta permohonan daripada Sarawak:

<b>Permohonan</b>	<b>Diluluskan</b>	<b>Ditolak</b>
439 (11 adalah daripada Sarawak)	92 (3 adalah daripada Sarawak)	347 (8 adalah daripada Sarawak)

Sebab-sebab permohonan ditolak:

- program bukan di bawah bidang keutamaan;
- institusi pengajian yang tidak disenaraikan ;
- tidak lulus penilaian kredit oleh institusi kewangan;
- program luar negara atau berkembar (twinning programme) di mana permohonan belum dibuka.

Permohonan yang telah diluluskan oleh institusi kewangan akan dihubungi selepas perjanjian jaminan kerajaan antara kerajaan dan institusi kewangan ditandatangani.

4) Universiti-universiti negara asing pelajar-pelajar dikenakan sedang belajar:

Tiada maklumat kerana permohonan untuk pelajar luar Negara masih belum dibuka.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]**  
**TARIKH** : **12.03.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan masalah kekurangan guru yang dihadapi oleh SJKC dan SJKT. Nyatakan statistik kekurangan guru SJKC dan SJKT di setiap negeri setakat 25 Februari 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa statistik kekurangan guru di SJKC secara keseluruhan di peringkat KPM berdasarkan data sehingga 17 Februari 2014 adalah seramai 849 orang guru.

Masalah kekurangan guru di SJKC berlaku di atas faktor syarat tambahan yang ditetapkan oleh Kesatuan Lembaga Pengelola Sekolah iaitu guru-guru yang ditempatkan ke SJKC mesti lulus Bahasa Cina pada peringkat SPM untuk membenarkan mereka mengajar.

Manakala statistik kekurangan guru di SJKT secara keseluruhan di peringkat KPM adalah seramai 152 orang guru. Bilangan ini juga berdasarkan data sehingga 17 Februari 2014.

Walau bagaimanapun masalah kekurangan guru di SJKT dijangka akan selesai setelah penempatan Guru Lepas Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dilaksanakan pada 1 April 2014.

Di samping itu, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 17 Tahun 2010: Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil; berdasarkan ketetapan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2010 yang menjelaskan pelaksanaan proses penempatan, pertukaran dan penempatan semula (*redeployment*) guru di SJKC dan SJKT supaya selari dengan kehendak pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]  
TARIKH : 12 MAC 2014  
SOALAN :**

**YB Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rasional untuk mewajibkan penjaja-penjaja yang mendaftarkan premis makanan turut menghadiri Kursus Latihan Pengendali Makanan dengan membayar walaupun kebanyakan mereka telah diwajibkan untuk menghadiri kursus percuma yang sama disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Keperluan untuk pemilik premis makanan mendaftarkan premis makanan mereka setiap tiga (3) tahun telah ditetapkan di bawah **Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009**.

Sementara itu, seperti yang telah diperuntukkan di bawah **Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan Tahun 2009**, semua pengendali makanan termasuk penjaja adalah diwajibkan untuk menjalani

Latihan Pengendali Makanan (LPM) dan seterusnya mendapat Sijil Latihan Pengendali Makanan daripada mana-mana Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pengendali makanan yang bekerja di mana-mana premis makanan sekiranya didapati gagal mematuhi keperluan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun.

Sehingga 31 Disember 2013, sejumlah 964,043 orang pengendali makanan telah menjalani latihan yang dikendalikan oleh 175 buah SLPM yang diiktiraf oleh KKM.

#### **Tuan Yang di-Pertua,**

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menetapkan setiap pengendali makanan perlu menghadiri taklimat secara percuma bagi mendapatkan lesen premis makanan. Taklimat ini berlainan daripada kursus LPM yang dijalankan oleh SLPM dari segi kandungan modul, di mana kursus LPM menekankan aspek asas kebersihan dan keselamatan makanan dalam tempoh 3 jam. Kursus percuma yang diadakan oleh PBT biasanya tidak begitu komprehensif dan tidak menyentuh kesemua elemen keselamatan makanan. Ia juga berbeza dari segi jangkamasa kursus serta kandungan kursus.

Latihan yang dikendalikan oleh SLPM yang diiktiraf oleh KKM disampaikan oleh tenaga pengajar dengan kelayakan akademik atau pengalaman yang agak luas dalam bidang keselamatan makanan. Tenaga Pengajar SLPM

juga perlu lulus dalam beberapa penilaian sebelum diberi pengiktirafan sebagai tenaga pengajar yang bertauliah. SLPM juga mengadakan latihan menggunakan modul yang seragam. Modul ini juga memasukkan ujian pra dan pos kepada pengendali makanan bagi memastikan tahap keberkesanan dari segi penerimaan maklumat yang disampaikan sebelum dan selepas kursus dijalankan. Bilangan pengendali yang menghadiri satu sesi juga terhad kepada 30 orang dan dikendalikan dalam keadaan yang selesa untuk mengoptimalkan pembelajaran. Sijil kehadiran kursus dikeluarkan oleh SLPM bagi mengesahkan pengendali makanan telah hadir kursus LPM di bawah PPKM 2009.

Kementerian Kesihatan perlu memastikan semua pengendali makanan menjalani latihan seragam yang menepati semua kehendak di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 di SLPM yang bertauliah. Dalam hal ini, semua tenaga pengajar di SLPM yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan ini hanya akan menggunakan Modul Pengajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan bagi latihan pengendali makanan.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga turut menjalankan audit secara bulanan di SLPM yang diiktiraf bagi memastikan setiap tenaga pengajar dan pengendali SLPM berkaitan mematuhi semua peraturan dan keperluan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan memang menyedari terdapat pengendali makanan termasuk penjaja-penjaja yang telah menghadiri latihan pengendali makanan yang disediakan oleh PBT masing-masing secara percuma. Bagaimanapun, latihan berkenaan dianggap tidak sah kerana PBT bukanlah institusi latihan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan. Pengendali makanan perlu menjalani latihan pengendali makanan dari institusi atau SLPM yang diiktiraf dan dikendalikan oleh tenaga pengajar yang juga diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED**  
**(PULAI)**  
**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**  
**SOALAN : 59**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengenai komitmen Kementerian dalam memastikan semua produk negara yang berinovasi serta dihasilkan di negara ini, dapat dipasarkan di luar negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited dalam memacu pembangunan ekonomi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan teknologi sehingga ke tahap pengkomersilan untuk pasaran di dalam negara ataupun pasaran global.

MOSTI menyediakan pelbagai platform terhadap hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sentiasa memberikan galakan dan bantuan bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di negara ini dengan penekanan terhadap pengkomersilan dan permintaan pasaran.

Pelbagai pelan tindakan seperti mengadakan sesi '*pitching*' antara syarikat dengan pembekal dana dan modal teroka supaya suntikan dana tambahan boleh dibuat bagi membantu syarikat memasarkan produk mereka. Jika produk masih lagi belum melepasi tahap piawaian tertentu, pihak SIRIM dan Technology Park Malaysia akan diminta membantu syarikat berkenaan. Kementerian juga akan menolong dalam mengenal pasti peluang pemasaran teknologi tempatan melalui kerjasama dengan pihak SME Corp.

Agensi MOSTI yang terlibat dalam penyediaan modal teroka untuk pengkomersialan akan dilibatkan secara maksimum. Agensi-agensi pemberi dana dan peneraju pengkomersialan produk seperti Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Malaysian Debt Ventures (MDV), Modal Teroka dan Biotech Corp serta agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) seperti SIRIM, Nuklear Malaysia dan MIMOS akan diberikan tanggung jawab yang lebih bagi memastikan 'outcome' yang dinyatakan boleh dicapai.

Selain daripada itu, MOSTI turut komited memberi fokus kepada pengkomersilan R&D dan teknologi dengan melancarkan tahun 2014

sebagai Tahun Pengkomersilan MOSTI2014 (MCY2014). MOSTI akan menumpukan usaha untuk meningkatkan kadar pengkomersilan teknologi dan produk khususnya kepada R&D yang telah menerima peruntukan dana MOSTI dan agensi MOSTI di bawah RMK9 dan RMK10.

Strategi pelaksanaan MCY2014 memberi tumpuan kepada pembangunan serta mengekalkan peluang pasaran, mempertingkatkan kerjasama strategik dengan pemain industri dan mempertingkatkan rangkaian promosi pengkomersilan produk R&D. MCY2014 akan menyediakan satu platform pengkomersilan teknologi—komprehensif (*technology commercialisation platform*) dari aspek pembangunan produk untuk menepati *standard*, *clinical* dan *market testing* serta penambahbaikan produk bagi tujuan pembungkusan, pelabelan, penjenamaan dan *product redesign* ” bagi memastikan produk-produk yang dihasilkan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan dapat diketengahkan dan dipasarkan bagi tujuan pengkomersilan di dalam dan luar negara.

Langkah-langkah memperkukuhkan prasarana pengkomersilan dengan menyediakan lebih banyak platform pepadanan perniagaan (*business-matching*) akan diperbanyakkan melalui kerjasama agensi-agensi MOSTI, agensi-agensi lain seperti MATRADE, SME Corp dan juga pihak industri.

MCY2014 turut menyediakan pakar-pakar dan prasarana khusus bagi memberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar mengenai kaedah-kaedah pengkomersilan yang meliputi penyediaan model perniagaan, *technology foresight*, bantuan teknikal, kemudahan kewangan, pengurusan harta

intelekt seperti perlindungan harta intelek dan penilaian harta intelek, penyediaan insentif kepada penyelidik dan pereka cipta, kemudahan dana penyelidikan dan pembangunan, pengkomersilan serta keusahawanan.

Ingin ditekankan bahawa kejayaan pengkomersilan produk R&D tempatan menuntut kepercayaan dan keyakinan seluruh masyarakat Malaysia (kerajaan dan swasta) terhadap produk ciptaan/keluaran Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]**  
**TARIKH** : **12.03.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) akan dibatalkan serta-merta memandangkan pelbagai reaksi negatif daripada warga pendidik terhadap pelaksanaan PBS. PBS telah bermula sejak 2 tahun lalu, kenapa masih wujud banyak masalah walaupun PBS pernah dirintiskan beberapa tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula di Tahun 1 Sekolah Rendah, pada tahun 2011 dan Tingkatan 1, Sekolah Menengah pada tahun 2012. Walaupun pelaksanaannya belum lengkap satu kitaran, dapatan lawatan pemantauan dan kajian impak PBS pada 2012 menunjukkan bahawa guru lebih kreatif dalam pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kerana tiada lagi tekanan peperiksaan. Murid didapati lebih aktif dan kreatif selain daripada pembelajaran yang lebih seimbang kerana tidak lagi hanya berfokus terhadap pencapaian akademik semata-mata.

Walau bagaimanapun, KPM telah mengambil inisiatif meneliti semula pelaksanaan PBS dengan membuat kajian semula PBS mulai Februari 2014 sehingga penghujung Mac 2014. Dalam tempoh ini, pelaksanaan PBS

ditangguhkan sehingga keputusan kajian semula selesai. Sementara itu, guru diminta memberi fokus pengajaran seperti biasa pada murid. YAB Menteri Pendidikan akan memaklumkan tindakan penambahbaikan berasaskan kepada keputusan kajian semula tersebut.

Rjm15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan sudahkah kementerian memanggil Wilmar untuk menjelaskan sepenuhnya dasar barunya "*No Deforestation, No Peat, No Exploitation*" dan adakah Kementerian telah menjalankan kajian impak dasar mengenai industri minyak sawit dan apakah tindakan Kementerian akan mengambil terhadap perkara ini.**

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Wilmar bertajuk “*No Deforestation, No Peat, No Exploitation*” yang dikeluarkan pada 5 Disember 2013 adalah bertujuan untuk menyakinkan para pembeli di luar negara, terutamanya di Eropah bahawa minyak sawit yang dipasarkannya adalah dari sumber yang mampan. Ini merupakan satu *Business-to-Business arrangement*.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telahpun berbincang dengan pihak Wilmar di mana dijelaskan bahawa:

- i. dasar Wilmar ini tidak menjejaskan pembelian hasil sawit oleh pembekal-pembekal dari kawasan-kawasan yang sedia wujud sebelum 31 Disember 2015;
- ii. Pihak Wilmar telah memberi jaminan bahawa mereka akan terus membeli hasil sawit dari pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Wilmar ini akan menjejaskan pembelian hasil sawit dari kawasan-kawasan tanaman baharu sawit yang diusahakan selepas 31 Disember 2015 yang diklasifikasikan sebagai *High Carbon Stock Forest* dan tanah gambut. Ini juga akan menjejaskan pasaran hasil sawit memandangkan Wilmar merupakan sebuah syarikat pembeli dan pengedar minyak utama sawit antarabangsa.

Kementerian sedang membincang dengan pihak Wilmar bagaimana mereka dapat mengubahsuai syarat-syarat dalam dasar “*No Deforestation, No Peat, No Exploitation*” untuk menentukan ia tidak menjejaskan pekebun-pekebun kecil sawit.

Selain itu, Kerajaan juga sedang merangka pensijilan minyak sawit Malaysia di bawah *Malaysian Sustainable Palm Oil* yang berpandukan kepada undang-undang semasa. Ini adalah bagi tujuan memperkukuhkan imej dan kemampuan pengeluaran hasil minyak sawit Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.03.2014**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan senarai subsidi petrol dan diesel secara asing dan terperinci bagi tahun 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, senarai subsidi petrol dan diesel bagi tahun 2004, 2005, 2005, 2007, 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan

2013 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>PETROL (RM JUTA)</b>	<b>DIESEL (RM JUTA)</b>
<b>2004</b>	<b>641</b>	<b>3,344</b>
<b>2005</b>	<b>2,674</b>	<b>4,399</b>
<b>2006</b>	<b>1,859</b>	<b>4,287</b>
<b>2007</b>	<b>2,825</b>	<b>4,427</b>
<b>2008</b>	<b>5,250</b>	<b>7,873</b>
<b>2009</b>	<b>2,340</b>	<b>1,533</b>
<b>2010</b>	<b>3,650</b>	<b>4,226</b>
<b>2011</b>	<b>9,732</b>	<b>8,515</b>
<b>2012</b>	<b>12,363</b>	<b>10,138</b>
<b>2013</b>	<b>11,729</b>	<b>9,618</b>

DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]

TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)

**SOALAN :**

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dan undang-undang mengenai hak penjagaan anak di dalam kes perceraian yang melibatkan pasangan berlainan agama (terutamanya agama Islam) dan apakah status perundingannya sekarang.

**JAWAPAN:** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi pertimbangan terhadap kebajikan dan kemaslahatan kanak-kanak. Dalam aspek hak penjagaan anak, kepentingan anak adalah mengatasi kepentingan pihak-pihak yang lain. Menurut prinsip *hadhanah* Islam, ibu adalah yang paling berhak bagi

menjaga anak kecilnya sama ada masih dalam perkahwinan atau selepas perkahwinan dibubarkan selagi tidak hilang kelayakkan.

**Bagi kes yang melibatkan pasangan yang berlainan agama** (salah seorang daripada pasangan yang bukan Islam memeluk Islam), kebiasaannya kes tersebut akan dibicarakan di Mahkamah Sivil. Dalam hal ini, Mahkamah Sivil boleh memberikan hak jagaan anak-anak yang masih kecil kepada ibu yang bukan Islam dengan syarat anak itu tidak dipengaruhi dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam. Inilah asas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam **kes Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C.Mogarajah & Anor [2004] 2 CLJ 416** yang memutuskan bahawa hak penjagaan anak diberikan kepada ibu kanak-kanak tersebut. Sekiranya syarat itu tidak dipatuhi, ibu tersebut akan kehilangan hak penjagaan anak. Manakala tanggungjawab saraan dan nafkah tetap ditanggung oleh bapa yang memeluk agama Islam.

Berhubung dengan status terkini dalam menyelesaikan pertikaian hak penjagaan anak membabitkan pasangan Islam dan bukan Islam, Kerajaan sedang meneliti semula undang-undang berkaitan iaitu Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] bagi membuat pertimbangan dan penyelesaian secara holistik dengan mengambil kira kepentingan dan keadilan semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6485**

**SOALAN:**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SIBU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos dalam mengimplimentasikan MyImmigration System di seluruh negara. Apakah kebaikan sistem ini berbanding dengan sistem lama. Kamera yang diguna oleh sistem itu, berapakah jumlah resolusinya.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan projek *My Immigration System* (myIMMs) adalah sebanyak RM29.9 juta. Sistem myIMMs adalah sistem teknologi maklumat Jabatan Imigresen Malaysia yang telah dibangunkan bagi menyokong operasi Jabatan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan pihak pengurusan yang berkenaan.

Sistem myIMMs ini merangkumi tiga (3) komponen yang saling berkait rapat bagi membolehkan pengguna melaksanakan sesuatu urusan/transaksi seperti permohonan pasport, pengeluaran visa dan pas atau pemeriksaan masuk pelawat asing yang melibatkan proses kemasukan, pemprosesan dan pengesahan maklumat, penghantaran maklumat dari pejabat Imigresen ke pengkalan data dan penyimpanan maklumat di pengkalan data di Pusat Data.

Untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang awam di dalam pengurusan permohonan Pasport Malaysia, sistem *facial live capture* telah dibangunkan dan diintegrasikan dengan sistem myIMMs di mana penggunaan *facial live capture* akan bermula pada 1 Mac 2014 dan melibatkan semua pejabat Pasport di kawasan Lembah Klang. Pemasangan sistem *facial live capture* di semua pejabat pasport di seluruh negara termasuk di luar

negara akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tahun 2014. Jumlah kos yang terlibat di dalam pemasangan sistem *facial live capture* ini adalah sebanyak RM5.9 juta. Jumlah resolusi kamera yang digunakan adalah 12.2 *mega pixel*.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**  
**PARLIMEN : KUALA KRAI**  
**TARIKH : 12 MAC 2014**  
**NO. SOALAN : 65**

### SOALAN

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Kuala Krai) minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- a) anggaran lebih dagangan (dalam RM) antara Malaysia-Amerika Syarikat sekiranya TPPA ditandatangani; dan
- b) anggaran kehilangan duti eksport kepada Malaysia sekiranya TPPA ditandatangani.

### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Pasa masa sekarang (tanpa TPPA), Malaysia telah pun memansuhkan hampir 65% duti import keatas barangan yang memasuki pasaran Malaysia di bawah Most Favoured Nations (MFN). Dalam kata lain, walaupun tanpa FTA atau TPP, tiada duti import dikenakan 65% barangan yang dimport dari mana-mana negara. Manakala Amerika Syarikat hanya memansuhkan 36% duti import keatas barangan yang memasuki pasarannya di bawah MFN. Sehubungan itu, banyak barangan Malaysia masih menghadapi duti / tarif yang tinggi untuk memasuki bukan sahaja di pasaran Amerika Syarikat, tetapi pasaran TPP lain seperti Mexico, Kanada, dan Peru. Contohnya, duti import yang dikenakan ke atas tekstil adalah sebanyak 32% dan kasut sebanyak 45% oleh Amerika Syarikat.

Tuan Yang DiPertua,

Sungguhpun kita menikmati lebih dagangan (surplus) dengan Amerika Syarikat, matlamat utama Malaysia dalam TPP adalah untuk memastikan semua duti import ke atas produk-produk Malaysia dimansuhkan samada secara serta merta sebaik perjanjian dilaksanakan atau dalam satu tempoh yang ditetapkan. Eksport Malaysia seterusnya boleh menikmati akses pasaran yang lebih bebas dan menjadi lebih kompetitif di dalam pasaran TPP berbanding dengan sekarang. Di samping itu, mengikut penilaian industri tekstil Malaysia, eksport barangan tekstil dijangka meningkat sebanyak 20% berikutan liberalisasi pasaran Amerika Syarikat di bawah TPP nanti.

Tuan Yang DiPertua,

Berhubung dengan soalan yang ditanyakan YB Kuala Krai mengenai anggaran kehilangan duti eksport oleh Malaysia sekiranya TPPA ditandatangani, Kerajaan menyedari bahawa duti eksport merupakan sumber pendapatan negara serta perlu dikekalkan. Pasukan perunding akan terus mempertahankan hak Malaysia untuk mengenakan duti eksport.

**Disediakan oleh :      Lim Chee Hau**  
**Dasar dan Penyelarasan Rundingan FTA**

**Disemak oleh        :      Datin Che Mazni Che Wook**  
**Dasar dan Penyelarasan Rundingan FTA**

**Diluluskan oleh :      Tay Lee Looi**  
**Dasar dan Penyelarasan Rundingan FTA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. DR. TAN SENG GIAW  
(KEPONG)  
**PERTANYAAN** : LISAN  
**TARIKH** : 12.03.2014

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan langkah dan peruntukan yang telah dan akan diambil untuk menopang ekonomi.

Apakah kadar pertumbuhan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan ekonomi negara terus

berkembang, terutamanya semasa negara berhadapan dengan cabaran ketidaktentuan perkembangan ekonomi global. Pada masa yang sama, Kerajaan turut memastikan pengurusan makro ekonomi negara adalah selaras dengan usaha-usaha kemampanan fiskal Kerajaan dalam jangka panjang.

Sehubungan ini, Kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal konsolidasi mulai tahun 2013. Kerajaan telah menambah baik pentadbiran cukai supaya lebih cekap dalam pungutan cukai dan meningkatkan pematuhan cukai termasuk melalui penguatkuasaan serta pengauditan cukai yang lebih baik. Selain itu, Kerajaan dijangka dapat meluaskan lagi asas cukai melalui pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada 1 April 2015.

Rasionalisasi subsidi secara berperingkat juga telah dilaksanakan bagi memastikan kemampanan fiskal bagi tempoh jangka panjang, antaranya adalah rasionalisasi petroleum, gula dan tarif elektrik. Pemberian subsidi akan ditumpukan kepada golongan bersasar, berbanding kaedah subsidi pukal. Lebihan subsidi pukal ini akan digunakan untuk tujuan

pembangunan bagi merangsang ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Kerajaan turut berbelanja secara berhemat dengan melaksanakan pengurangan perbelanjaan sektor awam melalui 11 langkah yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 31 Disember 2013. Kerajaan juga komited untuk memastikan hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi paras 55% daripada KDNK.

Dalam usaha untuk menambahbaik kedudukan kewangan Kerajaan, pembiayaan program dan projek pembangunan melalui peruntukan pembangunan (DE) yang merupakan perbelanjaan modal dan bersifat pelaburan juga dipergiatkan. Disamping itu, langkah-langkah transformasi turut dilaksanakan, contohnya dengan memperkenalkan sistem *Outcome Based Budgeting* (OBB) untuk menambahbaik pengurusan belanjawan secara berhemat.

Kesemua langkah ini akan membantu Kerajaan Persekutuan dalam mencapai sasaran paras defisit fiskal pada 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun ini, selain selaras dengan komitmen jangka panjang Kerajaan untuk mencapai sasaran defisit fiskal pada paras

3% kepada KDNK pada 2015 dan bajet berimbang (*balanced budget*) pada 2020.

Selaras dengan usaha yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengukuhkan ekonomi negara, Kerajaan dijangka akan mencapai prestasi ekonomi yang lebih menggalakkan daripada tahun 2013. Unjuran kadar pertumbuhan ekonomi negara yang terkini akan dibentangkan oleh Bank Negara Malaysia sempena penerbitan laporan tahunannya pada pertengahan Mac 2014 ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
(PARIT SULONG)**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini program transformasi Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) melalui Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dalam usaha untuk memantapkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Jejak Jaya Bumiputera atau SJJB telah ditubuhkan pada tahun 2007 bertujuan untuk memberi sokongan 'peringkat akhir' kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang ingin disenaraikan di Bursa Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera menjelang tahun 2020.

Peranan asal SJJB adalah sebagai pemudahcara dalam:

1. membantu menyegerakan proses penyenaian dengan menyelesaikan isu-isu berkaitan keperluan penyenaian oleh Suruhanjaya Sekuriti;
2. memastikan syarikat memperoleh penilaian saksama semasa proses penyenaian; dan
3. memudahcara proses tender kontrak Kerajaan / syarikat berkaitan Kerajaan untuk meningkatkan nilai syarikat.

Sejak penubuhannya sehingga kini, SJJB berjaya membantu lapan (8) buah syarikat Bumiputera disenaraikan di Bursa Malaysia yang terlibat dalam pelbagai industri seperti minyak & gas (O&G), Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT), kejuruteraan alam sekitar, bioteknologi dan pendidikan. Syarikat-syarikat tersebut adalah:

1. Handal Resources, sebuah syarikat penyedia perkhidmatan O&G;

2. Theta Edge, syarikat penyedia perkhidmatan ICT;
3. Cypark Resources, syarikat penyedia teknologi dan kejuruteraan alam sekitar;
4. Malaysian Genomics Resource Centre, syarikat penyedia perkhidmatan berkaitan genetik dan analisa genom;
5. Century Software, syarikat ICT dan penyedia pengurusan kewangan;
6. Prestariang, syarikat penyedia perkhidmatan dan latihan ICT;
7. Datasonic Group, syarikat penyedia perkhidmatan ICT; dan
8. Barakah Offshore Petroleum, syarikat penyedia perkhidmatan O&G.

Jumlah pasaran modal atau *market capitalization* bagi kesemua syarikat tersebut adalah sebanyak RM5.113 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang diadakan pada 14 September 2013 di UiTM Shah Alam, Selangor telah mengumumkan Pelan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dengan lima (5) fokus berserta 34 perkara utama atau dengan izin, *touch points*. Antaranya adalah Fokus 2: Memantapkan Pemilikan Ekuiti Korporat dengan dua (2) tumpuan utama iaitu:

- menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pegangan dan penguasaan saham dengan lebih berkesan; dan
- membantu Bumiputera menguasai lebih banyak ekuiti syarikat baru dan sedia ada.

Di bawah Fokus 2, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) telah diberi mandat untuk membantu mentransformasi SJJB dan meningkatkan lagi bilangan serta modal pasaran syarikat tersenarai awam Bumiputera (PLC) di Bursa Malaysia.

Ekuinas sebagai firma ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan mempunyai kepakaran dalam menjalankan diagnostik dan membangunkan pelan penciptaan nilai bagi syarikat-syarikat pelaburannya. Ini dapat dilihat melalui rekod prestasi syarikat yang baik sejak ditubuhkan pada tahun 2009.

Sebagai contoh, salah sebuah syarikat pelaburannya, Icon Offshore Berhad, akan disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang pertengahan tahun ini dan dijangka akan menjana penciptaan nilai yang tinggi.

Sejurus selepas pengumuman tersebut, Ekuinas mengkaji semula secara terperinci keberkesanan program SJJB sejak ianya ditubuhkan termasuk mengenalpasti kekangan dan cabaran yang dihadapi SJJB serta cadangan kerangka baru SJJB dan pelan pelaksanaannya supaya ianya lebih berkesan dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian dan sebuah rangka baru SJJB ini telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Januari 2014.

Rangka baru SJJB ini menyaksikan Ekuinas dan Teraju bekerjasama dalam memainkan peranan mentransformasi program ini.

Peranan Ekuinas akan tertumpu kepada melaksanakan penilaian dan pemilihan syarikat berkeelayakan untuk menyertai program tersebut. Ia juga akan menjalankan diagnostik dan membangunkan pelan penciptaan nilai bagi syarikat terpilih. Ini selari dengan bidang kepakaran Ekuinas yang tertumpu kepada urusan pelaburan.

Pada masa yang sama, Teraju pula sebagai sebuah agensi Kerajaan yang mempunyai jaringan dan hubungan yang lebih relevan dengan kementerian dan agensi Kerajaan yang lain, akan memainkan peranan dari segi pemasaran dan mempromosikan program tersebut, memudahcara serta memastikan pelaksanaan pelan penciptaan nilai yang disediakan oleh Ekuinas untuk setiap syarikat terpilih dilaksanakan dengan jayanya.

Pihak Kerajaan yakin bahawa dengan kerjasama bersepadu antara Teraju dan Ekuinas, program SJJB ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan dinamik.

Tuan Yang di-Pertua,

Ekuinas dan Teraju sedang di dalam proses penyediaan satu rangka kerja operasi terperinci untuk memastikan pelaksanaan program yang berkesan dan efektif, termasuk penjenamaan semula program ini. Ekuinas menjangkakan proses ini akan dimuktamadkan menjelang awal suku tahun kedua 2014. Penjenamaan semula program baru ini adalah penting kerana Ekuinas dan Teraju percaya program baru

SJJB ini bukan hanya supaya sesebuah syarikat tersebut dapat disenaraikan tetapi juga untuk turut memastikan bahawa syarikat tersebut mempunyai pelan penciptaan nilai jangka masa panjang yang berdasarkan merit untuk meningkatkan pasaran permodalan syarikat kerana itu merupakan ukuran sebenar nilai ekuiti Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT.**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. LIM KIT SIANG**  
**( GELANG PATAH )**  
**TARIKH** : **12 MAC, 2014 ( RABU )**  
**NO SOALAN** : **NOMBOR 68**

---

**SOALAN:**

**YANG BERHORMAT TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan samada beliau bersetuju dengan Majlis Perundingan Perpaduan Nasional (NUCC) bahawa Putrajaya perlu bertindak segera apabila berhadapan dengan insiden sensitif perkauman dan agama kerana ketegangan yang meningkat akan menggugat usaha perpaduan Negara dan sebab mengapa berlakunya polarisasi agama yang semakin buruk di dalam Negara.

**JAWAPAN :**

**Tan Sri Yang Di Pertua ;**

Kerajaan tidak mengenenpikan sama sekali pandangan atau pendirian dari mana-mana pihak terutama ketika timbulnya isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perhubungan antara kaum yang boleh menggugat dan mengancam keselamatan Negara. Malah kerajaan perlu berhati-hati menangani dan mengurus isu-isu sensitive seperti yang dibangkitkan itu dan telah memilih beberapa pendekatan menyelesaikannya. Antara pendekatan yang dilaksanakan ialah ;

**(a) Melalui perbincangan dan perundingan dengan pihak-pihak yang terlibat.**

Pendekatan ini merupakan pendekatan terbaik di mana pihak-pihak yang terlibat akan dijemput bagi mendengar pendapat dan pandangan mereka. Dalam masa yang sama berusaha mencari titik pertemuan tindakan yang boleh dipersetujui bersama. Hakikat mesti diakui bahawa perbalahan yang berlaku terutama menyentuh tentang agama, sememangnya amat rumit untuk diselesaikan kerana setiap penganut agama telah mempunyai kepercayaan dan pegangan kukuh terhadap ajaran agama masing-masing.

**(b) Penyelesaian melalui dialog.**

Pendekatan ini boleh diadakan secara tertutup dimana ia perlu mematuhi panduan-panduan dan etika-etika tertentu. Semua pihak perlu mencari dan berbincang untuk kepentingan bersama dan bukan berbincang untuk menegakkan ajaran agama masing-masing kerana setiap agama itu mempunyai ajaran yang sememangnya berbeza dan tidak akan menemui apa-apa titik persamaan.

**(c) Sokongan Pemimpin, Masyarakat dan Media.**

Semua pihak perlu menyokong apa jua usaha penyelesaian yang dijalankan samada usaha itu dilakukan oleh Kerajaan atau badan-badan lain termasuk pemimpin dipelbagai peringkat dan juga masyarakat. Media pula perlu turut memainkan peranan yang konstruktif dan tidak menyiarkan berita atau pendapat berbentuk provokasi yang boleh menimbulkan ketegangan.

Isu-isu sensitive termasuk isu-isu yang dikaitkan dengan polarisasi yang berbangkit dari masa kesemasa itu boleh diselesaikan jika semua pihak sedar dan faham tentang kemajmukan dan kepelbagaian sosio-budaya yang memang sedia ujud di Negara ini. Perbezaan-perbezaan yang ada tidak seharusnya dijadikan penghalang

didalam menyelesaikan isu berbangkit sebaliknya perbezaan itu perlu dilihat dari sudut atau perspektif yang boleh memberi faedah dan menjadi asset Negara. Pemimpin-pemimpoin politik tanpa mengira aliran pemikiran pula sewajarnya menjadi pemandu dan contoh kepada kumpulan atau kelompok masing-masing dan bukan mengambil kesempatan untuk mendapat sokongan demi mencapai agenda-agenda tertentu. Isu-isu yang boleh menjejaskan keselamatan Negara, sewajarnya dijadikan isu yang perlu diselesaikan secara bersama demi kepentingan bersama.

---

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN : 69**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memulakan pembesaran bangunan Terminal Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dalam masa terdekat.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu telahpun dinaiktaraf oleh Kerajaan pada 14 Jun 2010 yang meliputi pemanjangan landasan dari 1,981 meter kepada 2,400 meter, pembinaan laluan taksi yang baru, dan apron helikopter. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 11 September 2011. Menyedari keperluan pembangunan masa depan lapangan terbang ini, Kementerian Pengangkutan pada 30 Jun 2013 telah mengemukakan permohonan berkaitan pembesaran bangunan terminal dan apron parkir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan 4* (RP4, RMKe-10). Permohonan tersebut termasuk pembesaran dan menaiktaraf bangunan terminal bagi menampung 2.5 juta penumpang setahun dari 1.5 juta penumpang sedia ada. Kementerian berharap permohonan dapat diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang akan datang bagi menampung kepesatan penumpang di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]**  
**TARIKH** : **12.03.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah permohonan dan layak mengikuti program Kursus Pendidikan Lepas Ijazah (KPLI) dari tahun 2010 hingga 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan calon guru pra perkhidmatan bagi mengikuti program perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah berdasarkan unjuran keperluan guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Berikut adalah jumlah permohonan dan layak mengikuti Kursus Pendidikan Lepas Ijazah (KPLI).

Bagi kedua-dua program KPLI j-QAF dan KPLI sepenuh masa, jumlah permohonan bagi tahun 2010 adalah sebanyak 131,771 manakala yang layak adalah seramai 120,828 calon. Bagi tahun 2011 pula, jumlah permohonan bagi kedua-dua program adalah seramai 77,884 calon dan yang layak adalah seramai 63,394 calon. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada lagi ambilan KPLI selepas tahun 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan fungsi 1MOCC dan setakat mana kejayaan 1MOCC dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada Kerajaan dan rakyat.

**JAWAPAN : YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pusat Panggilan 1Malaysia (1Malaysia *One Call Center* atau 1MOCC) merupakan pusat panggilan setempat (*single point of contact*) untuk memudah cara komunikasi orang awam dengan agensi Kerajaan serta menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui penggunaan satu nombor tunggal (03 8000 8000). Perkhidmatan ini disediakan 24 jam, 7 hari seminggu, 365 hari setahun. 1MOCC telah dilancarkan secara rasminya oleh YAB Perdana Menteri pada 12 November 2012. Fasa 1 pelaksanaan 1MOCC telah melibatkan 21 agensi perintis manakala 24 ibu pejabat kementerian-kementerian telah terlibat dalam pelaksanaan fasa 2 1MOCC.

Sejak 1MOCC dilancarkan hingga 28 Februari 2014, sebanyak 1,671,673 transaksi telah diterima melalui pelbagai saluran. Dalam tempoh tersebut, 99.99% peratus transaksi telah diselesaikan.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN: 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN  
ABD HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 12.03.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bilakah 2 buah kapal latihan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) boleh diterima memandangkan limbungan pembekal kapal tersebut NGV Tech Sdn Bhd dikatakan terjerumus ke dalam situasi receivership (dengan izin) “Innalillahiwainnailaihirojiun”.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian telah menamatkan kontrak dengan Syarikat NGV Tech Sdn Bhd. Lanjutan itu, 5 buah syarikat limbungan telah mengemukakan '*request for proposal*' (RFP) untuk menyiapkan 2 buah kapal latihan tersebut dan Kementerian dalam tindakan menilai kemampuan serta keupayaan limbungan-limbungan terlibat.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR]  
**TARIKH** : 12 MAC 2014  
**SOALAN** : Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pengumuman BERNAS pada 11 Februari 2014 bahawa pengarah-pengarah dan pemegang-pemegang saham majoritinya tidak berpengetahuan mengenai susunan bertulis rancangan penstrukturan-semula dan penyenaian-semula BERNAS di mana NAFAS dan NEKMAT akan mendapati 5 peratus pegangan saham setiap satu dalam badan yang akan disenaraikan semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Cadangan penyenaian keluar BERNAS dari Bursa Malaysia telah dibentangkan kepada pemegang-pemegang saham BERNAS untuk pertimbangan dan kelulusan pada Mesyuarat Agung Luar biasa BERNAS pada 27 Januari 2014 melalui proses pengundian (*polling*) dan masih belum dimuktamadkan.

Namun demikian, sekiranya penyenaian keluar BERNAS dimuktamadkan, sebarang perancangan penstrukturan sama ada dari segi organisasi ataupun pegangan ekuiti serta penyenaian semula BERNAS adalah tertakluk kepada keperluan perniagaan dan situasi pasaran pada ketika itu. Di dalam pelaksanaan penyenaian semula, pengagihan saham BERNAS akan dibuat berpandukan tatacara yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6480**

**SOALAN:**

**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 telah diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong atau tidak. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Rang Undang-Undang (RUU) Pencegahan Jenayah (Pindaan dan  
Pemerluasan) 2013 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 2 Oktober  
2013 dan Dewan Negara pada 10 Oktober 2013. RUU ini juga telah  
mendapat perkenan SPB Yang diPertuan Agong pada 25 Oktober 2013.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE  
(GOPENG)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 12.03.2014**

**Y.B. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang yang tertunggak oleh syarikat InventQjaya dan Dr Sadeq Mustapha Faris.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan meluluskan pinjaman kepada syarikat InventQjaya Sdn Bhd yang mana Dr Sadeq Mustapha Faris pada masa itu merupakan pengarah syarikat tersebut.

Pinjaman yang diluluskan pada 27 Mei 2003 berjumlah RM437 juta kepada InventQjaya Sdn Bhd adalah bagi membiayai pembangunan projek berteraskan teknologi di Cyberjaya dengan kerjasama syarikat Reveo Inc. dari Amerika Syarikat. Projek ini melibatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) dan mengkomersilkan lapan (8) teknologi seperti berikut:

- i. Metal Air Standard Battery
- ii. Magnesium Air Power Battery
- iii. 3D component/ devices
- iv. E-curtain LuxVu
- v. Security Pigments
- vi. Dense optical Storage
- vii. PurOgen
- viii. Desalination

Sehingga kini jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan kepada syarikat ini ialah RM228 juta. Pengeluaran pinjaman telah dihentikan berikutan syarikat ini didapati telah melanggar syarat perjanjian pinjaman. Satu perintah penggulangan telah dibuat terhadap InventQjaya Sdn Bhd oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 Disember 2006 atas permohonan Kerajaan dan mahkamah telah melantik Pelikuidasi syarikat

dengan tanggungjawab mengurus semua aset-aset IQJ yang digulungkan untuk menjaga kepentingan dan faedah pemiutang. Jabatan Insolvensi Malaysia yang dilantik sebagai pelikuidasi kini dalam tindakan untuk menghantar notis kepada semua pemiutang InventQjaya Sdn Bhd dan seterusnya memfailkan permohonan pembubaran syarikat ini ke mahkamah bagi mendapatkan perintah Pelepasan dan Pembubaran syarikat di bawah Seksyen 239 Akta Syarikat 1965.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI  
SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN :**

**YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin** meminta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah terdapat perbezaan atau kekurangan dari segi promosi yang telah dijalankan berbanding dengan Negara jiran seperti Thailand yang mempunyai jumlah pelancong luar sebanyak 17 juta (bagi tempoh Januari hingga Ogos 2013) yang jauh lebih ramai dari Malaysia.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2013, Malaysia telah menerima seramai 25.7 juta orang pelancong asing iaitu peningkatan sebanyak 2.7% berbanding seramai 25 juta orang pada tahun 2012. Manakala bagi tempoh dari Januari hingga Ogos 2013, Malaysia telah merekodkan ketibaan pelancong asing seramai 16.6 juta orang jika dibandingkan dengan Thailand yang menerima seramai 17 juta orang pelancong untuk tempoh yang sama.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia sentiasa mempelbagaikan usaha-usaha promosi di luar negara. Aktiviti-aktiviti galakan pelancongan utama yang dilaksanakan adalah seperti Misi Jualan (*Sales Mission*), *Road Show*, Pameran Pelancongan, Seminar, Pengiklanan dan Aktiviti Perhubungan Awam.

Tourism Malaysia juga turut mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Penggunaan saluran media sosial secara meluas dalam memasarkan Malaysia kepada pasaran sasaran;
- ii. Meningkatkan jaringan kerjasama di bawah program Mega Fam dengan membawa wartawan dan media, *social influencer* seperti *bloggers*, agensi pelancongan serta krew perfileman;

- iii. Menggunapakai acara-acara penting bagi promosi taktikal di luar negara seperti *F1 Grand Prix*, Karnival Jualan Mega, *Sarawak Rainforest Music Festival*, *Colours of 1Malaysia*, *1Malaysia International Tourism Night Floral Parade*, *Fabulous Food 1Malaysia* dan lain-lain;
- iv. Memperkenalkan pakej insentif istimewa yang memberi fokus kepada percutian premium;
- v. Meneruskan kerjasama *Smartpartnership* dengan pengusaha – pengusaha pelancongan, syarikat penerbangan dan badan-badan korporat;
- vi. Meneruskan usaha mempromosikan Malaysia melalui penjenamaan Kempen *Malaysia Truly Asia*;

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada usaha promosi yang aktif, **faktor kemudahsampaian penerbangan terus (*direct flight accessibility*)** juga mempunyai pengaruh yang besar terhadap bilangan ketibaan pelancong asing ke sesebuah destinasi. Thailand menerima sebanyak 2,987 kekerapan penerbangan antarabangsa (*international flight frequency*) dengan kapasiti tempat duduk sebanyak 689,788 untuk tempoh seminggu berbanding Malaysia menerima sebanyak 2,736 kekerapan penerbangan antarabangsa dengan kapasiti tempat duduk sebanyak 542,888 untuk tempoh yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN:**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah usaha dan bantuan Kerajaan mengenai usaha dan bantuan Kerajaan terhadap mangsa kebakaran di kawasan Sepanggar semenjak tahun 2007 sehingga sekarang yang melibatkan lebih kurang 500 buah keluarga miskin yang mana sehingga kini masih belum mampu membina semula rumah; dan
- (b) adakah boleh Kerajaan meluluskan peruntukan khas kepada mangsa bencana ini untuk membina semula rumah mereka dalam kawasan tanah simpanan bumiputera.

**JAWAPAN:**      **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN) menyalurkan bantuan ihsan berjumlah RM500 kepada ketua isi rumah yang terlibat dengan bencana banjir bukanlah sebagai ganti rugi atau pampasan kepada kerugian yang dialami malah bantuan ini bermatlamat untuk mengurangkan beban yang dialami mangsa yang mengalami kerosakan dan kemusnahan harta benda. Pemberian ini bersandarkan kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu juga, bagi lain-lain kerosakan, Kerajaan akan mempertimbangkan mengikut keadaan dari semasa ke semasa samada melalui MKN atau agensi-agensi yang berkaitan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN  
[ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH** : **12 MAC 2014**

**SOALAN** : **Dato' Seri Reezal Merican bin Naina  
Merican [ Kepala Batas ] minta **MENTERI  
LUAR NEGERI** menyatakan tentang visi  
'*ASEAN Economic Community 2015*  
(Komuniti Ekonomi ASEAN 2015) di dalam  
pendekatan hubungan luar Malaysia di  
peringkat serantau. Sejauh mana komitmen  
Malaysia dalam merealisasikan hasrat,  
aspirasi dan cita-cita ini dan apakah ianya  
masih menjadi usaha teras kepada  
hubungan Malaysia di dalam rantau  
ASEAN.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Kepala Batas yang bertanyakan soalan ini berkaitan hasrat visi Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 di dalam pendekatan hubungan luar Malaysia di peringkat serantau.

2. Kerjasama serantau yang ditunjangi ASEAN merupakan tonggak utama dasar luar negara. ASEAN juga adalah badan paling penting untuk mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini. Oleh yang demikian, pembentukan Komuniti ASEAN menjelang 2015 merupakan salah satu keutamaan dasar luar negara.

3. Pada masa yang sama, integrasi ekonomi menjadi salah satu komponen terpenting dalam usaha membentuk Komuniti ASEAN. Malahan dalam ucapnama YAB Perdana Menteri, beliau telah menekankan bahawa disebabkan saiz penduduknya yang relatif kecil, ekonomi Malaysia akan sentiasa bergantung kepada aktiviti perdagangan.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Pembentukan AEC pada tahun 2015 bakal menyediakan pasaran terbuka merangkumi 600 juta orang penduduk dengan pergerakan bebas perdagangan barangan, perkhidmatan, pelaburan, modal dan tenaga kerja. Usaha sebegini bukan saja dapat menggalakkan dagangan di antara negara-negara ASEAN, malah dapat menarik minat para pelabur

asing dan dagangan ke rantau ini. Secara tidak langsung ianya dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara-negara yang terlibat.

5. Oleh yang demikian, Malaysia amat komited terhadap usaha-usaha ke arah pembentukan AEC. Sehingga Disember 2013, Malaysia telah melaksanakan sebanyak 80 peratus daripada langkah-langkah (*measures*) keseluruhan di bawah Pelan Induk Komuniti Ekonomi ASEAN. Malaysia juga telah mengambil pelbagai pendekatan bagi memastikan objektif AEC tercapai dengan jayanya. Ini termasuk memastikan agar komitmen-komitmen yang telah dipersetujui dalam pelbagai bidang sektoral seperti pengangkutan, integrasi pasaran keawangan, ICT, kerjasama tenaga, liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan dan sebagainya dilaksanakan mengikut jadual seperti yang ditetapkan of Majlis AEC.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. Selain itu, ASEAN juga perlu memastikan *key deliverables* yang telah dipersetujui oleh ASEAN dengan rakan-rakan dialognya seperti China, Jepun Korea, India, Australia dan New Zealand, Rusia, Kesatuan Eropah dan Kanada dipatuhi dan dilaksanakan dengan sewajarnya.

7. AEC pada tahun 2015 perlu dilihat sebagai satu sasaran pelaksanaan komitmen-komitmen ASEAN dalam memperkukuhkan lagi integrasi ekonomi ASEAN. Ini tidak bermaksud integrasi ekonomi ASEAN akan berhenti selepas 2015.

8. Oleh yang demikian, Negara-negara ASEAN perlu melihat AEC sebagai satu inisiatif yang berterusan walaupun selepas 2015 kerana usaha-usaha pembentukan Komuniti ini perlu dilakukan secara konsisten dan berterusan demi kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[KANOWIT]**

**TARIKH : 12 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah jaminan Kerajaan sebagai usaha memastikan ketelusan dan keterbukaan dalam memberi projek ICT kepada pembekal.**

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, perolehan projek ICT Kerajaan dilaksanakan berasaskan prinsip, dasar dan tatacara perolehan Kerajaan sedia ada seperti Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender), Surat Pekeliling Am (SPA) Bil.1 Tahun 2009 (Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan), dan sebagainya selaras dengan Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak 1972) yang mengandungi prosedur-prosedur bagi mengutamakan perolehan secara telus dan saingan terbuka, serta adil dan saksama.

Sekian, terima kasih.